

Jilid I  
Bil. 97



Hari Isnin  
9hb Disember, 1991

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 15719]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1992:**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 15759]**

**Maksud B. 28, B. 29, B. 30, B. 31 dan B. 32 [Ruangan 15768]**

**Maksud B. 33 [Ruangan 15833]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1992:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P. 26 dan P. 27 [Ruangan 15759]**

**Maksud P. 28, P. 31 dan P. 32, P. 57 [Ruangan 15768]**

**Maksud P. 33 [Ruangan 15833]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOC PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 9hb Disember, 1991
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

LEBUHRAYA SEREMBAN-  
PORT DICKSON

1. **Dr T. Marimuthu** minta Menteri  
Kerja Raya menyatakan:

- (a) bilakah lebuhraya dari Seremban ke Port Dickson akan disempurnakan; dan
- (b) apakah sebab-sebab kelewatan dalam menyempurnakan projek ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) Pembinaan Lebuhraya dari Seremban ke Port Dickson dijadual untuk disiapkan dalam masa dua tahun dari tarikh kerja dimulakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja membina lebuhraya tersebut dijadualkan akan bermula pada pertengahan tahun 1993 dan disiapkan pada tahun 1995.

Buat masa ini, proses perundingan dengan syarikat swasta yang akan ditawarkan projek tersebut secara pengswastaan masih lagi sedang berjalan. Adalah diharapkan bahawa perundingan mengenai Daraf Perjanjian Konsesi akan diselesaikan pada awal tahun hadapan.

- (b) Oleh kerana pembinaan projek ini belum dimulakan lagi, maka kelewatan dalam menyempurnakan projek ini tidak timbul.

**BANDUAN YANG DISABITKAN  
KESALAHAN**

2. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkara-perkara yang berikut:

- (a) bilangan banduan-banduan yang telah disabitkan dengan kesalahan di dalam negara ini;
- (b) bilangan banduan-banduan reman di dalam negara ini dan berapa banyakkah yang telah direman melebihi satu tahun; dan
- (c) bilangan orang-orang yang disyaki yang telah ditahan di bawah Seksyen 117 Kanun Aturan Jenayah dalam tahun 1988, 1989 dan 1990 dan dari bilangan ini berapakah bilangan yang akhirnya telah dituduh di dalam Mahkamah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian,

- (a) jumlah banduan-banduan yang telah disabitkan dengan kesalahan di negara ini sehingga 31hb Ogos, 1991 ialah 14,416 orang;
- (b) jumlah banduan-banduan reman di dalam negara ini sehingga 31hb Ogos, 1991 ialah 4,893 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,431 orang adalah yang ditahan melebihi satu tahun;
- (c) jumlah orang-orang yang disyaki yang telah ditahan di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah untuk penyiasatan jenayah di seluruh negara adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	
1988	27,962 orang
1989	26,927 orang
1990	25,925 orang
Jumlah	<u>80,814 orang</u>

Daripada jumlah tersebut, seramai 34,483 orang telah dituduh, pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	
1988	12,163 orang
1989	11,344 orang
1990	10,976 orang
Jumlah	<u>34,483 orang</u>

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan soalan (b), baru-baru ini kita dengar kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Penjara dan pihak Kerajaan mengatakan bahawa mereka yang ditahan di dalam penjara

reman ini untuk reman, pending hearing, dengan izin, adalah terlalu ramai menyebabkan over crowded, dengan izin, di tiap-tiap penjara. Soalan saya, apakah langkah segera yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah over crowded di dalam tiap-tiap penjara khususnya di penjara Pudu dan Kajang serta penjara-penjara lain.

Soalan tambahan kedua ialah berkaitan dengan soalan (c), daripada angka yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen tadi, lebih kurang hampir 80,000 lebih yang telah ditahan di bawah Seksyen 117 sepanjang tahun 1988, 1989 dan 1990, dan daripada angka 80,000 lebih ini hanya lebih kurang 34,000 sahaja dituduh di mahkamah. Persoalan saya, mengapa begitu ramai orang yang ditahan, tetapi tidak dibawa ke mahkamah. Yang cukup bukti dan dibawa ke mahkamah hanya sedikit sahaja, iaitu 34,000. Apakah ini membuktikan ada terdapat di mana tangkapan dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa bukti yang cukup sehingga tidak membolehkan pihak Polis atau pihak berkuasa untuk membawa mereka ini ke mahkamah.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang diambil dan akan dijalankan untuk mengatasi masalah over crowded, dengan izin, di penjara adalah dua perkara yang terdapat kita jalankan sekarang ini. Yang pertama, sepertimana banyak kali Dewan ini telah dimaklumkan iaitu bangunan penjara baru sedang diusahakan, iaitu di Kepong dan di Simpang Rengam dan juga penjara-penjara yang sedia ada itu ruang-ruangnya telah diusaha untuk diperbesar. Selain daripada itu, Kerajaan juga dalam proses untuk mempercepatkan lagi proses mahkamah supaya kita dapat lebih cepat mempastikan banduan ini akan dijatuhkan hukuman mengikut penalti yang dikenakan itu supaya dapat dipasti dengan secepat mungkin.

Mengenai sama ada tangkapan dibuat dengan sewenang-wenangnya ataupun tangkapan tanpa bukti dijalankan di bawah Akta Kanun Prosedur Jenayah, ini adalah tidak benar. Sebenarnya semua tangkapan itu mempunyai asas. Apa yang penting ialah sebelum seseorang itu dibawa ke mahkamah, selalunya pihak berkuasa mesti menentukan bukti yang cukup supaya seseorang itu tidak disalahtuduh dipastikan dahulu sebelum ia dibawa ke mahkamah.

Jadi, proses mendapatkan bukti dan juga penyiasatan yang kukuh mengambil masa, kita tidak mahu cepat tuduh siapa-siapa sahaja. Nanti kita salah tuduhan seseorang itu, lagi teruk daripada apa yang dikatakan lambat bukan sahaja dilambatkan, iaitu terlalu ramai sangat orang yang masih dalam tahanan menunggu tuduhan. Itulah yang saya dapat pastikan kepada Dewan ini supaya tidak ada satu tangkapan yang sewenang-wenangnya dijalankan dengan selamatnya, semuanya mempunyai asas, cuma bukti mahkamah kita kena tentukan dengan teliti.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya soalan orang yang reman sebelum dibawa ke mahkamah. Daripada hakikatnya, orang ini belum dikatakan bersalah dan belum lagi dikatakan banduan dan bukan salah dari segi undang, tetapi adakah perbezaan yang dibuat di antara orang tahanan yang salah di dalam penjara dengan orang tahanan yang reman tidak bersalah ataupun belum didapati bersalah oleh pihak mahkamah. Kalau tidak ada perbezaannya, apakah pihak Kerajaan akan merancang membuat satu perbezaan di antara orang tahanan reman dengan orang tahanan yang didapati bersalah oleh mahkamah?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada perbezaan dan pihak penjara sentiasa mempunyai langkah-langkah untuk memastikan

mereka itu tidak dianggap sama, sebab satu golongan sudah dibuktikan salah dan satu golongan yang lain itu masih tunggu proses mahkamah. Jadi, perbezaannya itu tetap ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Nawawi bin Mat Awin.

*(Soalan No. 3 Y.B. Dr. Nawawi bin Mat Awin tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

*(Soalan No. 4 Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chor Chee Heung.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Chor Chee Heung tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

*(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir)*

## KEMPEN MENGHINA MALAYSIA

**7. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang sudah, sedang dan akan diambil bagi menentang kempen-kempen di luar negara yang sentiasa menghina Malaysia di atas dasar perhutanan kita, dan di bawah undang-undang antarabangsa perenggan mana yang mereka boleh memainkan peranan "interference with our political independence, sovereignty and integrity".

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 30 Oktober, 1991 semasa

menjawab soalan Yang Berhormat dari Tambun, dan saya tidak berhajat untuk menambah sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rohani binti Abd. Karim.

*(Soalan No. 8 Y.B. Puan Rohani binti Abd. Karim tidak hadir)*

### **PENDERAAN SEKS KANAK-KANAK PEREMPUAN**

**9. Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan kes penderaan seks kanak-kanak perempuan (sexual abuse) untuk tahun-tahun 1985 hingga 1990;
- (b) sama ada bilangan bertambah ataupun menurun sejak Kerajaan mengambil langkah mempertingkatkan kes-kes seperti ini dan usaha memberatkan hukuman ke atas mereka yang disabitkan dengan kesalahan ini; dan
- (c) sama ada kajian menyeluruh telah dibuat oleh pakar-pakar psikologi dan Kementerin sendiri mengenai profil mereka yang terlibat di dalam penderaan kanakkanak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes penderaan seks kanak-kanak perempuan pada tahun 1990 ialah sebanyak 34 daripada jumlah kes 511 penaniayaan. Bilangan kes-kes bagi tahun-tahun sebelumnya tidak dapat diperolehi.
- (b) Bilangan kes-kes penganiayaan kanak-kanak telah bertambah

sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana orang ramai sedar tentang tanggungjawab mereka terhadap kejadian penganiayaan kanak-kanak dan dengan itu melaporkan kepada pihak berkuasa.

- (c) Satu kajian terperinci mengenai penganiayaan kanak-kanak sedang dijalankan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kes penderaan seks terhadap kanak-kanak ini merupakan satu kes yang serius dan dikira satu kes yang paling zalim dalam zaman tamaddun ini, memandangkan jumlah angka makin meningkat dan sekarang sudah 34 orang mengikut apa yang dijawab tadi. Saya ingin mengetahui apakah Kementerian atau Kerajaan bercadang untuk melindungi kanak-kanak, mengenakan hukuman mandatori kepada mereka yang terlibat ini, kerana perbuatan ini satu perbuatan yang cukup zalim dan tidak boleh dimaafkan. Jadi, kalau dikenakan hukuman mandatori, ianya boleh menjadi pengajaran, kerana saya kira ia lebih serius ataupun sama serius dengan pencedar dadah atau seumpamanya.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, hukuman bagi kes-kes kesalahan ini memang ditambah dalam Akta Perlindungan Kanak-kanak yang baru-baru diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Bagi kes-kes yang serius, kita boleh gunakan Kanun Keseksaan. Kita tahu Kementerian mengambil jalan tengah, kerana kita mahu kaunseling, kita mahu orang baik dan kita tidak mahu gejala-gejala seperti ini berlaku. Yang telah berlaku, kita akan membawa mereka ke mahkamah di bawah Kanun Keseksaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Wong Wing On.

*(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Wong Wing On tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap.

*(Soalan No. 11 Y.B. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap tidak hadir)*

### GURU PELATIH DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN SABAH

**12. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah bilangan guru-guru pelatih yang diterima di Maktab Perguruan Gaya, Maktab Perguruan Kent, Maktab Perguruan Keningau dan Maktab Perguruan Sandakan pada tahun 1990.

- (a) berapakah bilangan guru-guru pelatih yang diterima dari Sabah, Semenanjung dan Sarawak di maktab-maktab perguruan tersebut; dan
- (b) kenapakah lulusan SPM pangkat tiga tidak lagi diterima memasuki maktab perguruan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan guru-guru pelatih yang diterima dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak di Maktab-maktab Perguruan Gaya, Maktab Perguruan Kent, Maktab Perguruan Keningau dan Maktab Perguruan Sandakan bagi pengambilan 1991 adalah seperti berikut:

Dari Semenanjung	11 orang
Dari Sabah	720 „
Dari Sarawak	—
(tidak ada pengambilan dari Sarawak)	

- (b) Semua calon yang memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang diiklankan boleh memohon tanpa mengambil kira pangkat kelulusan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM. Seterusnya, penawaran untuk kemasukan ke maktab-maktab perguruan pula adalah berdasarkan kepada prestasi dalam ujian dan seterusnya temuduga dan bukan pangkat di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Philip Yong Chiew Lip.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Philip Yong Chiew Lip tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

*(Soalan No. 15 Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew tidak hadir)*

### PILIHANRAYA UMUM NEGERI SARAWAK—LAPORAN POLIS

**16. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah laporan polis yang telah diterima oleh Polis berikutan Pilihanraya Umum Negeri Sarawak yang diadakan baru-baru ini; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap laporan-laporan tersebut.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah laporan polis yang telah diterima oleh Polis berikutan

Pilihanraya Umum Negeri Sarawak ialah 784 laporan.

- (b) Setelah semua laporan dikemukakan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwaraya Sarawak, cuma terdapat 144 kes yang didapati melakukan kesalahan dengan kedudukan mutakhir adalah seperti berikut:

(i) Masih dalam siasatan	129
(ii) Ceramah Tanpa Permit	11
(iii) NFA (Not For Acquittal)	4
	—
Jumlah	144
	—

#### PUSAT LATIHAN VOKASIONAL DAN USAHAWAN

17. Dato' Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa program dan kegiatan Kementerian hanya merangkumi dan memberi manfaat kepada hanya sebahagian kecil belia sahaja. Jika ya, apakah Kementerian bercadang:

- (a) menambah segera pusat-pusat latihan vokasional dan keusahawanan;
- (b) mewujudkan pusat-pusat latihan belia di setiap negeri;
- (c) mengadakan program khas bagi memberi pendedahan dan kemahiran asas keusahawanan kepada belia yang baru tamat sekolah; dan
- (d) menambah segera bilangan pegawai dan kakitangan jabatan belia di semua daerah.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Belia dan Sukan memang sedar bahawa program dan kegiatannya tidak dapat meliputi golongan belia dengan sepenuhnya. Hal ini disebabkan oleh bilangan golongan belia terlalu ramai sedangkan kemudahan, bilangan pegawai dan peruntukan sangat terhad. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, Kementerian sedang berusaha untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu. Misalnya di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Institut-institut Kemahiran Belia Negara akan diperbesarkan dan jumlah pengambilannya akan dipertingkatkan bagi menampung permintaan belia yang makin bertambah besar. Tambahan pula, permintaan untuk memasuki Institut-institut Kemahiran Belia Negara yang menawarkan berbagai kursus semakin bertambah ramai. Hanya sebilangan kecil sahaja yang dipilih sesuai dengan keperluan saiz sesebuah Institut Kemahiran Belia Negara.

- (b) Mengenai pusat latihan belia, Kementerian ini dengan kerjasama Biro Tata Negara akan membina 14 buah pusat latihan iaitu sebuah pusat latihan di setiap negeri termasuk sebuah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Menerusi pusat-pusat latihan ini Kementerian ini menjangka dan berharap dalam tempoh lima tahun yang akan datang, kita akan memberi peluang kepada kira-kira setengah juta generasi belia untuk mengikuti pelbagai program khususnya di bawah Program Bina Negara.

- (c) Kementerian Belia dan Sukan juga telah dan akan meneruskan Program Latihan Sambil Kerja, Latihan Kemahiran Industri Tempatan, Kursus Dorongan Perniagaan dan Kursus Melahir dan Membina Usahawan. Kursus dan latihan jangka pendek di atas adalah bertujuan untuk mempromosikan golongan belia lepasan sekolah untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan kemahiran di peringkat asas. Sambutan para belia terhadap kursus dan latihan berkenaan sangatlah menggalakkan.
- (d) Mengenai kedudukan pegawai dan kakitangan Pejabat Belia dan Sukan Daerah, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan telahpun siap menyediakan kertas cadangan penyusunan semula menaikkan taraf dan perwujudan jawatan-jawatan baru di Ibu Pejabat, Negeri dan peringkat Daerah. Cadangan penyusunan semula ini akan dibincangkan dengan agensi-agensi pusat untuk pertimbangan dan kelulusan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya dimaklumkan bahawa ramai belia-belia yang menganggap bahawa Pusat Latihan Belia ini adalah pusat latihan kelas kedua kalau dibandingkan dengan pusat latihan yang lain. Ini adalah oleh kerana peralatan-peralatan yang digunakan di pusat-pusat ini ialah peralatan-peralatan yang lama. Contohnya macam kursus Kerinting Rambut. Sekarang ini ada peralatan moden yang menyebabkan wanita-wanita boleh mencantikkan rambut mereka dengan peralatan moden. Saya tidak tahulah, tetapi saya agak-agaklah sebab saya tidak tahu hal wanita sangat. (*Ketawa*) Jadi, ramai orang tidak berminat pergi ke tempat ini oleh kerana

peralatannya peralatan yang lama. Demikian juga peralatan-peralatan memperbaiki kenderaan sebagai contohnya. Mereka hanya membaiki kenderaan yang jenis lama, manakala Mercedes dan juga BMW yang baru mereka tidak tahu sebab tidak ada peralatan moden dan orang tidak berminat untuk menghantar kereta-kereta ini untuk mereka berlatih.

Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk bukan sahaja menambahkan pusat-pusat latihan ini tetapi menaikkan taraf peralatan-peralatan yang ada untuk membolehkan pusat latihan belia ini adalah sama taraf dengan pusat-pusat latihan yang lain. Kita takut nanti mereka yang keluar daripada pusat ini dianggap sebagai mereka yang lulus dalam taraf yang kedua kalau dibandingkan dengan pusat-pusat latihan yang lain yang dianjurkan oleh agensi yang lain seperti MARA dan sebagainya.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, anggapan ini memang tidak betul tetapi terpulanglah kepada individu yang hendak menganggap sebagai kelas kedua ataupun kelas satu. Tetapi Kementerian saya ada juga bercadang untuk meningkatkan alat-alat yang sedang ada sekarang tetapi boleh dikatakan lepasan kursus dari PERTAK (biasanya solek dan rambut) senang mencari pekerjaan. Selepas itu tidak ada orang yang menjadi penganggur.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan soal anggapan tidak betul kerana ada hubungan dengan soalan Ahli Parlimen dari Arau. Memandangkan jumlah belia yang begitu ramai dan pusat-pusat latihan tidak mencukupi terutamanya di dalam bidang skilled workers atau vokasional. Saya ingin mengetahui apakah Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan bercadang, melalui dasar penswastaaan dan persyarikatan yang diamalkan oleh Kerajaan sekarang ini, supaya semua pertubuhan belia di negara kita ini digalakkan mewujudkan pusat-pusat latihan sendiri. Contohnya

ialah Majlis Belia Malaysia mengendalikannya dua tiga pusat latihan belia, 4B yang dipimpin oleh Dato' Mohd. Tajol Rosli—yang official, sebab 4B ini satu lagi yang tidak ada duit (*Ketawa*) dan MAYC dan sebagainya. Semua pertubuhan-pertubuhan boleh digalakkan menubuhkan pusat-pusat latihan di mana Kementerian menyalurkan sedikit bantuan serta kemudahan-kemudahan lain yang dikira penting dari segi tenaga pengajar dan sebagainya.

Jadi, ini salah satu cara untuk mempercepatkan melahirkan tenaga belia yang terlatih kerana kita tidak mencukupi tenaga-tenaga pekerja dalam sektor perkilangan, contohnya. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji pandangan yang dikemukakan ini?

**Cik Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk membina pusat-pusat latihan untuk pertubuhan-pertubuhan belia, tetapi berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Keenam, kita akan menambahkan lagi pusat-pusat latihan di seluruh negara.

#### HARGA BARANG KEPERLUAN PENGGUNA—KENAIKAN

**18. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil langkah-langkah untuk menghalang kenaikan harga bahan keperluan pengguna seperti susu, tepung, gula dan roti. Selepas Kerajaan mengumumkan kenaikan sementara gaji kakitangannya awal tahun ini, harga beberapa bahan telah meningkat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 22hb Oktober 1991 pada masa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Shah Alam.

Jadi, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahang kenaikan gaji kakitangan yang diumumkan baru-baru ini telah menjalar ke peringkat bawah dan sudah terasa kepada rakyat biasa sekarang. Baru-baru ini dalam menjawab soalan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa salah satu cara yang telah dibuat oleh Kerajaan ialah untuk menjadualkan beberapa barangan pengguna yang sekarang ini tidak termasuk di dalam jadual di bawah Akta Perihal Dagangan.

Jadi, bolehkah atau tidak pihak Kementerian menimbangkan selain daripada barang-barang terjadual yang telah memang sedia dikawal oleh Kerajaan, menimbangkan secara segera untuk menjadualkan barang-barang pengguna lain yang tidak termasuk dalam jadual, sebagai satu langkah untuk menyekat kenaikan harga barang yang nampaknya di luar kawalan, akibat daripada kenaikan gaji kakitangan awam baru-baru ini.

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memang peka atas keperluan dalam usaha untuk mengawal harga-harga barangan perlu. Jika perlu, bilangan barangan yang dijadual atau dikawal akan ditambahkan. Jadi, jawapan pendek ialah 'ya'.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang kadang-kadang walaupun diberi di dalam senarai control items, mungkin belum dapat dibuat satu penyelarasan yang baik di antara harga di bandar dengan harga di luar bandar, terutama sekali di mana pengangkutan-pengangkutan daripada bandar ke luar bandar itu tidak begitu sesuai dan tidak begitu baik. Walaupun dikontrol barang itu tetapi harganya masih naik di

pendalaman oleh kerana masalah pengangkutan. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu skim subsidi kepada penghuni di luar bandar supaya mendapat barang dengan harga yang sama seperti orang di bandar?

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu kajian sedang dijalankan yang mana pakar atau consultant telah dilantik untuk mengkaji harga-harga barangan di beberapa tempat di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak. Dan mungkin dalam kajian itu bolehlah kita dapat sedikit-sebanyak pandangan berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, yang mana perkara seperti kos pengangkutan yang menambahkan kos-kos barangan bagi tempat-tempat yang berlainan seperti di bandar dan di pedalanaan; mungkin faktor-faktor ini akan diambil kira dan akan disiasat oleh pakar perunding atau consultant yang telah dilantik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

*(Soalan No. 19 Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.

*(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim.

*(Soalan No. 21 Y.B. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*(Soalan No. 22 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)*

## KAD KREDIT—PENGUNAAN

**23. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sehingga kini berapa banyakkah syarikat-syarikat atau bank-bank yang telah berurusniaga dan memberi perkhidmatan kad kredit;
- (b) apakah jenis-jenis atau bentuk penipuan kad kredit yang telah dikenalpasti;
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dari berlarutan;
- (d) berapakah anggaran kasar wang-wang yang dibelanjakan melalui kad kredit bagi tempoh 6 bulan pertama 1991; dan
- (e) sekiranya mengikut hak, adalah tidak wajar Kerajaan menghalang pengguna kad kredit untuk berbelanja. Jadi, apakah tindakan Kerajaan bagi mengurangkan pemborosan ini yang mana akan menaikkan kadar inflasi negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telah saya jawab pada 23hb Oktober tahun ini, semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah. Jadi saya tidak ada maklumat tambahan dan tidak bercadang untuk mengulangi jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Abdul Malek Munip:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keupayaan Kerajaan menerapkan prinsip Islam dalam setengah-setengah kemudahan pinjaman sekarang ini, adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggalakkan institusi-institusi kewangan mewujudkan kemudahan untuk mengadakan kad kredit Islam?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada cadangan, tetapi cadangan ini boleh dikaji. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

*(Soalan No. 24 Y.B. Tuan Liew Ah Kim tidak hadir)*

### BEKALAN DARAH— PEMERIKSAAN SEMULA

**25. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah semua hospital Kerajaan, termasuk hospital daerah, mempunyai kelengkapan yang cukup untuk memeriksa semula bekalan darah sejurus sebelum disuntik ke dalam tubuh pesakit untuk memastikan ia bebas daripada jangkitan kuman; dan
- (b) berapakah bilangan kes jangkitan kuman AIDS melalui pemin-dahan darah.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kesemua hospital-hospital Kerajaan menjalankan penapisan atau screening darah dan komponen-komponennya sebelum ianya diberikan kepada pesakit-pesakit. Hanya darah dan komponen-komponen darah yang berkeputusan HIV Negatif diberikan kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini hanya satu sahaja kes AIDS didapati disebabkan pemindahan darah yang tercemar.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selama ini kita diberitahu bahawa jangkitan kuman AIDS ini khususnya berpunca daripada beberapa amalan seperti homoseks dan juga hubungan sek yang rambang serta penghisap dadah dan berkongsi jarum suntikan. Tetapi kita dapat tahu juga sekarang ini ada kes-kes pengidap AIDS yang mendapat kuman itu daripada pisau cukur tukang gunting dan juga daripada doktor-doktor gigi yang memang mempunyai kuman AIDS di dalam dirinya.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa semua profesion termasuk doktor-doktor dan juga bukan doktor seperti tukang gunting, memastikan bahawa mereka ini bebas daripada kuman AIDS? Dan sama ada mereka akan dikehendaki menjalankan pemeriksaan sebelum memberi perkhidmatan kepada orang ramai.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkenaan AIDS ini telahpun dijawab dengan panjang lebar oleh Menteri Kesihatan pada 21hb Oktober dahulu, tetapi saya ingin ulangi sekali lagi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini kita hanya mengingatkan sahaja orang-orang yang bekerja sebagai tukang cukur supaya mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengelakkan jangkitan itu berlaku daripada penggunaan pisau tersebut, jika sekiranya ianya digunakan kepada seseorang yang mungkin mempunyai HIV. Setakat ini ini hanyalah dianggap sebagai teori sahaja, tetapi belum ada kes-kes tertentu yang dilaporkan timbul dari penggunaan pisau cukur yang dimaksudkan.

Begitu juga dengan doktor gigi di Malaysia, belum ada lagi kes-kes yang dilaporkan melainkan empat sahaja yang dilaporkan di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, baru-baru ini Kementerian Kesihatan telahpun menyediakan

semua langkah-langkah atau pun garispuandu-garispuandu yang perlu diberitahu kepada tukang cukur termasuk tok mudim dan juga orang-orang yang mungkin ada risiko memindahkan penyakit itu kepada orang lain supaya mengikuti langkah-langkah dan juga garispuandu yang telahpun disediakan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada diberi jawapan, setakat ini ada satu kes mengenai dengan penyakit AIDS akibat daripada pemindahan darah.

Saya ingin mengetahui bagaimana perkara ini boleh berlaku? Apakah kerana kecuaiannya doktor ataupun pemeriksaan darah tidak dibuat dengan teliti, dan akibat dari kecuaiannya, apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan perkara ini tidak berlaku lagi?

Perkara yang kedua, sehubungan dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu mengenai dengan jangkitan AIDS. Sayapun tidak berapa tahu bab AIDS ini, apakah benar ada orang berpendapat bahawa orang yang paling banyak bercakap mengenai dengan AIDS, satu hari akan kena AIDS seperti Yang Berhormat selalu bercakap mengenai AIDS, satu hari akan kena AIDS, sebab itulah Yang Berhormat tidak berapa hendak bercakap mengenai dengan AIDS sekarang ini, apakah ini benar?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kes yang saya maksudkan tadi iaitu kes di mana ada berlaku pemindahan darah tercemar, hanya berlaku di Universiti Hospital. Itulah satu-satunya kes yang telahpun dilaporkan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan, kita telahpun menerangkan kepada orang ramai bagaimana kes itu terjadi.

Untuk kepentingan Ahli Yang Berhormat, bolehlah saya katakan di sini bahawa ia berlaku kerana tersilap label. Saya boleh cerita panjang lebar tetapi

pada pokoknya, ia berlaku oleh kerana tersilap label. Sebagai memendekkan cerita, A ditest sebagai negatif, B ditest sebagai positif. Darah B dikatakan negatif dan darah A dikatakan positif. Darah yang diberi itu ialah darah yang sebenarnya positif tetapi dilabelkan negatif. Itulah kesilapan yang berlaku dan pihak Universiti Hospital telahpun mengakui tentang kesilapan itu dan sebarang tindakan yang akan diambil adalah terpulang kepada pihak pentadbiran Universiti Hospital.

Berkenaan dengan orang yang bercakap mengenai dengan AIDS, saya anggap ini adalah soalan gurauan sahaja. Jadi, orang yang cakap banyak berkenaan dengan AIDS, kalau sekiranya dia kempen, kalau orang lain tidak mahu buat, kena orang itulah buat kerja berkempen untuk mengurangkan jangkitan daripada terkena pada orang lain.

Kita berasa puas hati hari ini, kesedaran sudahpun timbul daripada kampung sampai ke bandar, orang bercakap berkenaan dengan penyakit yang merbahaya ini dan diharapkan selepas ini, kita dapat menyedarkan orang ramai tentang bahayanya penyakit ini dan insya-Allah, kempen-kempen yang mungkin kita akan adakan termasuk salah seorang daripada yang terkena HIV yang telah mengaku untuk turut membantu kita berkempen, akan digunakan seluas mungkin.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian bercadang ataupun sudahpun mungkin memberi pampasan kepada pesakit yang telah dijangkiti kuman AIDS walaupun tersilap dan apakah pihak Kementerian sedang atau mungkin akan bercadang untuk memberi khidmat-khidmat membantu keluarga pesakit tersebut, mangsa AIDS itu dalam menghadapi kesan-kesan psikologi dan lain-lain kesan sampingan?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes penyakit-penyakit AIDS yang telahpun tersilap dimasukkan darah yang tercemar itu berlaku sebelum kita kenal tentang penyakit ini, iaitu berlaku sebelum tahun 1985. Walaupun demikian, tidak ada pampasan yang dibayar kepada mereka kerana pada ketika itu, dengan izin, it was not the state of the art, belum diketahui lagi.

Yang kedua, khidmat-bantu keluarga dari segi psikologi telahpun dijalankan dan akan terus dijalankan dan kita memberi perkhidmatan kaunseling dan kursus kepada mereka yang terkena penyakit ini termasuk keluarganya, dijalankan oleh ahli-ahli pakar psikiatri dan ahli-ahli pakar hospital.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar.

*(Soalan No.26 Y.B. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Saidin bin Adam.

*(Soalan No.27 Y.B. Tuan Saidin bin Adam tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kita berbalik semula kerana masa ada lagi. Yang Berhormat Dr. Nawawi bin Mat Awin.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.3.

### PAGING SYSTEM KEPADA BUMIPUTERA

3. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (di bawah S.O. 24(2))** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada kenyataan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos baru-baru ini hendak menarik balik

lesen-lesen yang diberi kepada Bumiputera untuk perusahaan "paging system" yang telah dipindahmilikkan kepada pihak lain, merupakan amaran serius bahawa Kerajaan bersungguh-sungguh hendak melaksanakan pendekatan barunya untuk membangunkan Masyarakat Peniaga dan Pengusaha Bumiputera secara tegas; dan

- (b) bahawa tindakan yang sama akan diambil terhadap semua kes seperti ini dalam semua bidang.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajul Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah memberikan galakan kepada Bumiputera sebagai usahawan yang berjaya telah dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru. Wawasan 2020 juga mahukan masyarakat Malaysia menikmati kehidupan yang lebih selesa dan moden serta menjadikan rakyat Malaysia lebih maju dan progresif yang berlandaskan sains dan teknologi.

Kerajaan merasakan patut bersungguh-sungguh dalam melaksanakan pendekatan baru ini untuk membangunkan Masyarakat Peniaga dan Pengusaha Bumiputera secara tegas supaya golongan ini dapat sama-sama berlumba dengan lain golongan dalam mengambil peluang-peluang yang diberikan oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Masyarakat Peniaga dan Pengusaha Bumiputera hendaklah menguasai perniagaan masing-masing dengan sepenuhnya dan mempelajari semua bidang pengurusan dan sistem yang dikendalikan. Menjual atau memajak lesen mereka kepada pihak lain adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip dan undang-undang yang telah digubal oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), tiap-tiap perkhidmatan yang

hendak diadakan oleh Kerajaan adalah mengikut dasar undang-undang, peraturan dan prosedur yang digubal oleh Kerajaan sebelum sesuatu perkhidmatan tersebut diadakan. Cuma yang mungkin tidak jelas kepada mana-mana pengusaha atau orang awam adalah tahap penguatkuasaan terhadap perkhidmatan tersebut. Maka oleh itu, Kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas semua kes seperti ini dalam semua bidang mengikut apa yang telah digubal atau digariskan untuk mana-mana perkhidmatan yang ia telah dan akan dilesenkan.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum Kementerian meluluskan perusahaan paging sistem ini kepada pihak yang berkenaan, saya percaya tidak ada satu kajian yang menyeluruh dibuat terhadap syarikat yang memohon untuk memastikan bahawa mereka mampu mengusahakan sendiri paging system ini. Saya ingin tahu sama ada Kementerian pada masa akan datang akan membuat kajian yang menyeluruh terhadap semua pemohon-pemohon sebelum meluluskannya dan tidak membatalkan lesen mereka selepas diluluskan kerana semata-mata mereka tidak mampu menjalankannya dan terpaksa menyerahkan hak menjalankan sistem itu kepada syarikat lain kerana mereka mungkin tidak mampu dari segi kepakaran atau dari segi kewangan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang berlaku ialah ada syarikat-syarikat kemungkinan daripada luar negeri yang datang ke negara kita dan cuba untuk membeli beberapa buah syarikat dalam negeri. Pada mula-mula, lesen paging dikeluarkan dahulu, ianya dikeluarkan mengikut negeri dan tidak ada sebuah syarikat paging pun yang berbentuk nasional ataupun kebangsaan dan sekarang ini ada syarikat-syarikat yang cuba membeli beberapa buah syarikat di peringkat negeri untuk

mewujudkan satu paging system di peringkat Kebangsaan ataupun nasional. Jadi, apa yang dibuat oleh Kementerian ialah memastikan bahawa tidak ada syarikat yang boleh membeli beberapa buah syarikat untuk paging peringkat kebangsaan dan dengan itu pihak syarikat-syarikat paging yang kecil yang wujud di peringkat negeri akan menjadi lumpuh oleh kerana adanya syarikat paging di peringkat kebangsaan. Pada masa ini, ada 38 buah syarikat paging kepunyaan bumiputera di peringkat negeri-negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang keempat.

#### PENYALAHGUNAAN PERALATAN RTM

**4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (di bawah S.O. 24(2))** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sejauh mana serius penyalahgunaan peralatan RTM;
- (b) pihak-pihak yang terlibat dengan penyalahgunaan peralatan itu; dan
- (c) tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasi perbuatan itu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Penerangan.

Kementerian Penerangan memandang serius tentang sebarang penyelewengan ataupun penyalahgunaan kuasa dalam mana-mana Jabatan atau agensi di bawahnya.

Yang Berhormat Menteri Penerangan telahpun mengarahkan satu Jawatan-kuasa dibentuk yang dipengerusikan

oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan untuk memastikan supaya sebarang aduan berkenaan dengan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut di-siasat.

Penyiasatan akan dibuat secara berperingkat-peringkat bagi menentukan ianya dibuat secara rapi dan tersusun. Buat masa ini, belum ada lagi kes yang conclusive.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk memperbaiki sebarang kelemahan sistem kawalan kerja atau prosedur di Kementerian ini supaya peraturan yang akan digariskan nanti tidak memungkinkan penyelewengan berlaku dengan mudah.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di sini ada soalan mengatakan penyalahgunaan peralatan RTM. Soalan ini adalah kurang jelas dan apakah takrif yang dikatakan penyalahgunaan peralatan dan adakah penyibaran-penyibaran khabar semasa pergerakan Kerajaan atau Menteri-menteri dari satu tempat ke satu tempat itu juga ditakrifkan sebagai satu penyalahgunaan peralatan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa pada masa ini belum ada lagi kes yang konklusif. Mungkin kalau Ahli Yang Berhormat ada kes yang konklusif, bolehlah dimaklumkan kepada Kementerian dan Kementerian sedia untuk mengadakan penyiasatan berkenaan dengan perkara tersebut.

**Tuan Haji Sukri bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tabahan. Bolehkah saya tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah maksud penyelewengan alat-alat kelengkapan RTM ini dan adakah menggunakan kamera, misalannya,

untuk tayangan kepada Perhimpunan UMNO—sebuah parti, merupakan satu penyelewengan? (*Tepuk*) Kalau ini bukan satu penyelewengan, mengapa perhimpunan parti-parti Pembangkang tidak digunakan untuk ditayangkan kepada orang ramai sama? (*Tepuk*)

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini. (*Ketawa*)

**Tuan yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chor Chee Heung.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 5.

#### **DOKTOR PAKAR DAN JURURAWAT DI HOSPITAL UNIVERSITI—KEKURANGAN**

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (di bawah S.O.(2))** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk menampung kekurangan doktor-doktor pakar dan jururawat di Hospital Universiti;
- (b) adakah kehilangan kepintaran (brain drain) telah sampai kepada satu tahap yang amat membimbangkan; dan
- (c) adakah benar beberapa wad di Hospital Universiti terpaksa ditutup oleh kerana kekurangan doktor pakar dan jururawat.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan masalah kekurangan doktor-doktor pakar dan jururawat di Hospital Universiti, pihak Ke-

menterian akan membuat pengambilan baru doktor-doktor pakar dan jururawat-jururawat yang terlatih.

- (b) Kehilangan kepintaran (brain drain) adalah satu fenomena biasa yang dihadapi oleh kebanyakan negara yang sedang pesat membangun dan ianya tidak berada di tahap yang sangat membimbangkan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk membendung gejala tersebut. Antara langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut ialah kakitangan hospital berkenaan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi, atau mengambil kursus kepakaran yang tertentu.
- (c) Kenyataan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan beberapa wad di Hospital Universiti terpaksa ditutup oleh kerana kekurangan doktor pakar dan jururawat adalah tidak benar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya hendak bertanya wakil dari Bachok, siapa yang membenarkan dia bertanya bagi pihak wakil Alor Setar sebab ini wakil Barisan Nasional. Dia kena minta surat kebenaran dahulu. Adakah dia ingin hendak masuk Barisan Nasional, (*Ketawa*) sebab kebenaran ini mestilah sama-sama dalam parti? Saya ingin bertanya, siapa yang membenarkan dia bertanya bagi pihak Ahli dari Alor Setar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat, sesiapa pun boleh. (*Ketawa*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tetapi kena ada kebenaran daripada tuan tubuh dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan tubuh tidak datang. (*Ketawa*) Kalau dia datang, dia bangunlah. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

## LEMBAGA AIR NEGARA

**6. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengenai pengambilan pembekalan air oleh Kerajaan Pusat dan penubuhan satu Lembaga Air Negara (LAN):

- (a) apakah bidangkuasa, fungsi dan kuasa yang akan diberikan kepada Lembaga ini;
- (b) apakah sebab perlunya LAN ini dan bilakah ia akan ditubuhkan;
- (c) adakah LAN ini akan menimbang semula perjanjian penjualan air mentah oleh Johor ke negeri Melaka di mana rakyat Melaka dikenakan harga 20 sen seribu gelen berbanding dengan 3 sen seribu gelen kepada Singapura; dan
- (d) negeri manakah yang menyetujui penubuhan LAN ini.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai pada 5 Disember 1991 yang lalu. Buat masa ini tidak ada apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah saya berikan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam proses kajian atau proses untuk menubuhkan Lembaga Air Negara ini adakah beliau sedar bahawa beberapa negeri sudah mencadangkan untuk menswastakan Lembaga Air Negeri masing-masing dan adakah ini bermakna bahawa cadangan mereka ini tidak dibenarkan lagi?

Kedua, memandangkan cadangan menubuhkan satu Lembaga Air Negara adalah satu cadangan yang mempunyai kesan yang amat besar kepada seluruh negara termasuk juga negeri Sarawak dan Sabah, adakah perkara ini atau cadangan ini akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk dibincangkan dan dibahaskan sebelum sesuatu keputusan yang muktamad dibuat?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama, ini sudahpun dijawab iaitu oleh sebab Majlis Air Negara ini belum ditubuhkan dengan secara rasmi dan fungsi- fungsinya pun belum ditentukan, maka segala projek-projek penswastaan air itu akan dijalankan seperti biasa dan sama ada ini akan dibincangkan lagi di dalam Majlis Air Negara semasa ia ditubuhkan, itu belum diketahui lagi.

Kedua, sama ada perkara ini akan dibahaskan, itu pun saya tidak dapat menjawabnya buat masa ini.

**Tuan Abdul Malik Munip:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah definisi atau tafsiran mengenai istilah "air". Adakah ia merangkumi kawasan takungan atau catchment area? Sebab kalau ini termasuk, rasanya kalau kita ambil contoh negeri Johor, 1/5 daripada kawasan belantara negara Johor itu akan akhirnya dikuasai oleh Pusat dan ini melibatkan masalah tanah dan sebagainya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar begitu kompleksnya definisi "air" ini, sama ada ia termasuk hutan, kawasan tadahan, pokok-pokok, tanah, bijih dan sebagainya, Oleh sebab perkara ini akan dikaji secara terperinci dalam Majlis Air Negara, saya tidak dapat memberi apa definisi air itu buat sekarang ini.

## PERKHIDMATAN DOKTOR UDARA

**8. Puan Rohani bin Abd. Karim** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang khidmat Doktor Udara di Sarawak memandangkan bahawa perhubungan di Sarawak adalah sukar terutama sekali di pendalaman. Apakah perancangan yang dijalankan bagi khidmat ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Doktor Udara telahpun dimulakan pada September 1973 bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di kawasan pendalaman dan kawasan yang sukar dihubungi. Pada tahun 1973 Pasukan Perkhidmatan Doktor Udara telah memberi perkhidmatan kesihatan kepada 40 buah lokasi merangkumi bilangan penduduk seramai 31,893 orang dengan menggunakan sebuah helikopter. Pada tahun 1991 kawasan yang diliputi telah meningkat ke-197 kawasan ataupun lokasi merangkumi 70,194 orang dengan penggunaan 3 buah helikopter.

Pada tahun 1990 bilangan pesakit yang telahpun dirawat ialah 78,014 orang dewasa dan 35,996 kanak-kanak yang mana seramai 9,068 kanak-kanak telah diimunisasi. Bilangan pesakit yang telah dirujuk melalui penerbangan (medivac) kecemasan pada tahun 1990 ialah seramai 253 kes yang mana sejumlah 47 kes adalah kes perubatan, 60 kes pembedahan, 38 kes orthopedik, 66 kes sakitpuan dan 42 kes pediatrik.

Program Perkhidmatan Doktor Udara telah dikaji semula setiap 3 bulan. Semasa kajian semula ini dijalankan, lokasi-lokasi yang terdapat senang dihubungi dikeluarkan daripada senarai dan lokasi-lokasi baru yang sukar dihubungi dimasukkan ke dalam senarai program yang perlu diliputi oleh Perkhidmatan Doktor Udara.

Di setiap kampung pendalaman yang telah dilawati oleh Pasukan Perkhid-

matan Doktor Udara, Jabatan Perubatan Sarawak mempunyai program latihan bagi melatih para sukarelawan/sukarelawati tempatan untuk memberi perkhidmatan pertolongan kecemasan dan rawatan-rawatan mudah/biasa semasa tempoh ketiadaan Pasukan Perkhidmatan Doktor Udara.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada komplek yang saya terima daripada kawasan saya ialah kerana liputan lawatan Doktor Udara tidak sampai ke kawasan saya walaupun kawasan itu jauh di pedalaman. Adakah rancangan Kerajaan hendak menghantar Doktor Udara untuk sampai ke kawasan Batang Lupar terutama sekali di kawasan Belimbing Besi?

Soalan saya yang kedua, dalam buku yang saya baca iaitu *Stroll Through Borneo* yang ditulis oleh James Barkley mengisahkan, "doktor yang melawat ke kawasan-kawasan di luar bandar di Sarawak telah membuat satu lawatan yang tidak begitu baik, tidak begitu rapi...." - walaupun kita tidak terima tuduhan ini—"....dan masa untuk lawatan ke satu-satu tempat tidak mencukupi." Apakah pandangan daripada pihak Kementerian atas rungutan ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan kedua, kita akan mengkaji jika sekiranya keperluan timbul untuk kita melawat kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Tetapi kita mesti menerima hakikat bahawa ada penambahan dan pembaikan kemudahan perkhidmatan ini dari satu masa ke satu masa. Dahulu kita hanya menggunakan satu helikopter, tetapi sekarang kita menggunakan tiga. Saya sendiri telahpun terbang dengan Doktor Udara itu dan telah melihat kedudukan sebenarnya. Walaupun kita tidak begitu boleh menyatakan sepenuhnya berpuas hati tetapi kita akan cuba menambah dan

memperbaiki kedudukan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai dengan Belimbing Besi, saya minta maaf kerana terlalu spesifik. Jadi, saya minta supaya Yang Berhormat menulis terus kepada Kementerian dan kita akan mengambil tindakan selanjutnya.

**BARUA YANG DITAHAN OLEH POLIS**

**10. Tuan Wong Wing On** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan barua atau "pimps" yang ditahan oleh pihak polis dalam tempoh Januari hingga akhir September tahun ini, dan juga bilangan yang telah didakwa dalam mahkamah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Januari hingga September 1991 seramai 17 orang barua atau "pimps" dengan izin, telah ditahan oleh pihak Polis dan didakwa atas kesalahan hidup di atas pendapatan hasil pelacuran orang lain. Walau bagaimanapun, kerap kali barua-barua ini (*Ketawa*) dapat melepaskan diri dari dakwaan akibat mangsa-mangsa enggan bekerjasama dengan pihak Polis kerana implikasi moral ataupun maruah ke atas diri serta keluarga mereka.

**Puan Rohani binti Abd. Karim:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya mohon kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya mentakrifkan apa itu "pimps" atau barua?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, barua atau "pimps" yang dimaksudkan dalam soalan yang dibangkitkan itu, mengikut apa yang dapat kita fahamkan ialah seseorang yang hidup di atas pendapatan dari hasil pelacuran seseorang yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No.11, 13, 14, 15, 19, 20, 21, 22, 24, 26 dan 27 adalah diberi di bawah ini)*

#### ALAT SUKAN UNTUK PASARAN TEMPATAN

**11. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan sukan mempunyai potensi besar dari segi ekonomi dan tidak hairanlah Kerajaan sering menekan supaya bidang sukan di lihat sama pentingnya dengan bidang lain dan yang demikian adakah beliau akan mengarah Majlis Sukan Negara (MSN) berhubung dengan pembuat-pembuat alat sukan luar negeri supaya berusaha sama dengan MSN untuk mengeluarkan alat-alat sukan untuk pasaran tempatan dengan menjualnya dengan harga yang mampu dibeli oleh orang ramai dan juga untuk dieksport, kerana alat-alat sukan yang diimport adalah kian mahal harganya.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Setakat ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan belum bercadang untuk mengarahkan Majlis Sukan Negara berhubung dengan pembuat-pembuat alat sukan di luar negeri untuk bersama-sama berusaha mengeluarkan alat-alat sukan untuk pasaran tempatan atau dieksport. Walau bagaimanapun Kerajaan telah menghapuskan dan mengurangkan cukai dan eksais bagi beberapa jenis alat-alat sukan. Sehubungan dengan itu, pengusaha-pengusaha alat-alat sukan telahpun mengurangkan harga barangan mereka sejajar dengan pengecualian cukai oleh Kerajaan. Pengecualian dan pengurangan cukai eksais terhadap alat-alat sukan tersebut membolehkan orang ramai membeli dengan harga yang berpatutan dan ini secara langsung menggalakkan penyertaan yang lebih luas dalam bidang sukan.

#### JURURAWAT TERLATIH DI SABAH—KEKURANGAN

**13. Tuan Philip Yong Chiew Lip** minta Menteri Kesihatan menyatakan Kerajaan telah mengakui bahawa rumah sakit di Sabah masih kekurangan jururawat, ubat-ubat dan kemudahan perubatan dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Berhubung dengan perkara tersebut, apakah tindakan telah diambil dan bilakah keadaan boleh diperbaiki.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Di Jabatan Perubatan & Kesihatan Negeri Sabah pada masa ini, sebanyak 2817 daripada 2976 bilangan jawatan Jururawat Terlatih telah diisi. Sejumlah 159 jawatan jururawat belum diisi dan ini bermakna sebanyak 94.7% perjawatan telah diisi di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, kekurangan ini akan dapat diperbaiki pada akhir tahun ini apabila seramai 322 pelatih jururawat dari sekolah-sekolah latihan akan menamatkan kursus mereka.

Mengenai keperluan ubat-ubatan di Hospital-hospital di Negeri Sabah pada masa ini adalah mencukupi. Sabah telah diperuntukkan sebanyak \$8.2 juta pada tahun 1991 untuk tujuan perolehan ubat-ubatan sahaja. Ini adalah pertambahan sebanyak 18.8% dibandingkan pada tahun lalu. Peruntukkan pada tahun 1990 ialah sebanyak \$6.9 juta dan pada tahun 1989 ialah \$4 juta.

Mengenai kemudahan-kemudahan perubatan di Hospital-hospital Negeri Sabah, Kerajaan sentiasa mengambil berat dan memperbaiki kemudahan-kemudahan tersebut. Pada tahun ini sebanyak \$1.4 juta telah diperuntukkan untuk membeli alat-alat perubatan di Hospital-hospital di Negeri Sabah. Ini adalah pertambahan hampir sebanyak dua kali ganda daripada peruntukan tahun 1990 yang sebanyak \$703,000.

### KADAR TARIF ELEKTRIK DI SABAH

**14. Tuan Maidom bin P. Pansai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa bagaimana yang dinyatakan ketika melawat Sabah baru-baru ini, bahawa rakyat Sabah terpaksa menunggu hingga 10 tahun lagi sebelum pengurangan kadar tarif tenaga elektrik kepada kadar yang sama seperti yang dinikmati oleh lain-lain negeri di negara ini. Adakah itu selaras dengan syarat-syarat dalam memorandum atau sejajar dengan objektif penyerahan Lembaga Letrik Sabah kepada Kerajaan Persekutuan pada waktu Kerajaan BERJAYA dahulu. Kalau ia, perenggan mana dan ceraihan manakah yang menyatakan demikian dalam memorandum itu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan yang dibuat itu adalah berdasarkan faktor ekonomi semata-mata dan tidak berkaitan sama sekali dengan memorandum penyerahan LLS kepada Kerajaan Persekutuan. Kadar tarif elektrik di Sabah belum dapat dikurangkan buat masa ini kerana kos penjanaannya amat tinggi. Lembaga Letrik Sabah masih lagi bergantung kepada stesen diesel untuk sebahagian besar daripada tenaganya. Purata kos penjanaan di kawasan luarbandar Sabah ialah \$1.00 setiap unit dan berdasarkan kadar tarif purata 24 sen seunit, Lembaga Letrik Sabah terpaksa memberikan subsidi berjumlah 76 sen setiap unit.

Kadar tarif elektrik di Sabah boleh dikaji semula setelah Lembaga Letrik Sabah menyiapkan program jangka panjangnya dengan mendapatkan sebahagian besar bekalan tenaga dari sumber-sumber yang lebih murah seperti haidro dan gas asli. Strategi yang dirancang oleh Kerajaan Pusat seperti cadangan membina stesen hidro di Sabah dan sambongantara dengan Sarawak adalah merupakan pilihan yang ekonomik untuk mengurangkan kos penjanaan. Walau bagaimanapun,

projek-projek ini dijangka dapat disiapkan pada tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan demikian, kadar tarif bagi negeri Sabah berkemungkinan dapat dikaji semula dalam masa 10 tahun akan datang.

### ELAUN KAWASAN DI SARAWAK

**15. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberi elaun rumah yang sama seperti guru dari Semenanjung yang mengajar di Sarawak bagi guru dari Sarawak yang dipindahkan untuk mengajar di sekolah yang jauh dari tempat asal mereka yang kadangkalanya lebih jauh daripada Johor Bahru ke Kuching; dan
- (b) sila beri penjelasan tentang masalah pengetua C2A ( KUP) yang tidak mendapat faedah dari skim gaji 2-'tier' yang baru dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Guru-guru yang ditugaskan di kawasan pedalaman di Sarawak memang diberikan elaun kawasan yang diasaskan kepada gaji pokok mereka. Di samping itu sekiranya guru-guru tersebut keluar ke bandar atas urusan rasmi, Kementerian Pendidikan akan membiayai perbelanjaan mereka sepenuhnya.

Sebenarnya guru-guru tersebut diberi kemudahan untuk tinggal di rumah-rumah guru dengan dikenakan bayaran yang minimum sekali.

(b) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kategori B1 dan B2 yang menjadi Guru Besar C2 Tingkatan Biasa "A" (Khas untuk Penyandang) tidak ditawarkan opsyen ke dalam Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mereka perlu memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dipertimbangkan untuk dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan ke Skim PPPBS Tingkatan Biasa C8:

- (i) berumur 50 tahun tetapi tidak melebihi 54 tahun pada tarikh lantikan;
- (ii) disahkan dalam jawatan;
- (iii) lulus Kursus Khas 12 minggu yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan;
- (iv) memiliki kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
- (v) apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan PPPBS;
- (vi) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

#### INDUSTRI BUAH-BUAHAN MALAYSIA

**22. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah industri buah-buahan Malaysia telah memberi sumbangan sebagai punca pendapatan kepada negara.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Industri buah-buahan turut berperanan dalam memberikan sumbangan kepada pendapatan negara. Sumbangan industri ini jika dilihat dari segi pendapatan eksport bagi

tahun 1990 adalah bernilai \$306 juta iaitu merupakan peningkatan sebanyak 17.7 peratus berbanding dengan tahun 1989. Ini bermakna, industri ini pada tahun 1990 menyumbang sebanyak 8.9% kepada jumlah keseluruhan pendapatan eksport sektor makanan, iaitu merupakan peningkatan sebanyak 7.2% berbanding dengan peratusan sumbangan tahun sebelumnya.

#### PENGIDAP AIDS

**24. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada AIDS semakin serius dan menjadi ancaman di negara ini dalam tempoh Januari hingga Oktober, 1991. Nyatakan juga:

- (a) jumlah kes AIDS yang dirawat di hospital-hospital keadaan serius bagi tempoh April hingga Oktober, 1991;
- (b) pecahan kaum mereka yang disahkan mengidap AIDS, mengikut negeri-negeri; dan
- (c) pekerjaan atau profesion mereka yang disahkan mengidap AIDS.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

#### ANCAMAN AIDS

**26. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat ini berapa orangkah di negara ini yang dijangkiti AIDS melalui pemindahan darah. Mengapakah usaha untuk "double-screening" darah baru sahaja dilakukan pada hal ancaman AIDS melalui pemindahan darah sudah lama diketahui. Apakah "human error" yang dimaksudkan didalam peristiwa di Universiti Hospital baru-baru ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

### PENYAKIT AIDS

27. **Tuan Saidin bin Adam** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan pada ketika ini penyakit AIDS telah menjadi isu dan masalah kepada negara, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu akta mencegah AIDS dan mewajibkan semua rakyat Jan pelancong di Malaysia menjalani pemeriksaan darah.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telah pun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21-10-91.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan, 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kesembilan*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.26 dan B.27 (Jadual)—  
Maksud P.26 dan P.27 (Anggaran  
Pembangunan, 1992)—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, sila sambung.

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Tuan Pengerusi, dengan izin saya akan terus menyambung jawapan saya yang telah disampaikan pada hari Jumaat lalu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Sibu untuk menambahkan lebih banyak universiti dan pengambilan pelajar di dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan telah mengambil tindakan untuk menambahkan pengambilan pelajar-pelajar di institusi pendidikan tinggi tempatan. Di samping itu beberapa kampus cawangan telah dirancang bagi menambahkan bilangan tempat pengajian terutamanya di dalam bidang yang diperlukan oleh negara. Sebagai contohnya, penubuhan kampus tetap UIA di Gombak, pembinaan Hospital Universiti Kebangsaan di Cheras dan pembinaan Fasa 3 Universiti Teknologi Malaysia di Skudai untuk kita menempatkan fakulti-fakulti yang masih tinggal di Jalan Semarak.

Kerajaan juga telah merancang untuk mengembangkan kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, Sarawak untuk dijadikan nukleus kepada universiti yang akan dibangunkan di Sarawak nanti.

Pembinaan universiti asing di negara ini pula, perlu kita kajikan dengan teliti sebelum ia dapat dilaksanakan kerana ianya mempunyai implikasi dasar dan undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar peruntukan jawatan-jawatan tersebut adalah diasaskan kepada keperluan dan bukannya

berdasarkan kepada keluasan negeri tersebut. Kementerian Pendidikan akan membekalkan tenaga guru dan kakitangan yang mencukupi mengikut jawatan yang diluluskan oleh agensi pusat bagi negeri Sarawak. Jadi, bagi tahun ini sahaja Kementerian Pendidikan telah menempatkan seramai 1,376 orang guru terlatih di negeri Sarawak.

Yang Berhormat dari Sibujuga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan meningkatkan lagi program-program pendidikan teknik dan vokasional untuk menampung keperluan tenaga mahir negara bersesuaian dengan cabaran Wawasan 2020. Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa program bagi mengeluarkan lebih ramai tenaga mahir khususnya dalam bidang teknik dan vokasional. Di antaranya ialah seperti memberi penekanan yang lebih terhadap pendidikan teknik, vokasional dan kemahiran dengan mendirikan lebih banyak lagi sekolah menengah vokasional dan politeknik. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga akan memperkenalkan mata pelajaran elektif vokasional di sekolah menengah biasa dan kita akan menambah lebih lagi banyak kursus serta peluang mengikuti kursus-kursus kemahiran di sekolah menengah vokasional.

Pembinaan sesebuah sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan menyeluruh yang wujud di sesuatu kawasan itu setelah kita mengambil kira beberapa perkara seperti tidak ada terdapat sekolah. . . .

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Leo Michael Toyad:** Boleh, sekejap.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Sebagaimana yang kita telah tahu dan banyak disibar di dalam akhbar-akhbar di Sarawak yang mengatakan: "Sarawak mula mencebur diri dalam bidang industri elektronik." Tetapi industri ini di Sarawak adalah industri baru dan belum dikenali di sana dan mungkin ada masalah kemahiran. Dalam masa beberapa tahun akan datang, 5000 rakyat Sarawak mungkin terlibat dalam bidang elektronik dan apakah tindakan Kementerian untuk mendidik ataupun memberi latihan kepada rakyat Sarawak supaya industri ini tidak terjejas oleh kerana kekurangan pakar ataupun orang yang boleh melibatkan diri dalam bidang ini? Terima kasih.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa bahawa tindakan-tindakan yang kita akan jalankan bagi meningkatkan taraf-taraf khususnya kemahiran dalam bidang hawa-dingin sejuk, elektronik, elektrik dan lain-lain yang perlu dalam perindustrian yang akan datang, adalah akan disalurkan menerusi penekanan dan juga peningkatan kurikulum-kurikulum yang kita kini telah menggubal dan telah mengkaji semula di peringkat sekolah vokasional dan politeknik-politeknik di bawah Kementerian Pendidikan. Dan ini termasuklah juga kawasan politeknik dan sekolah vokasional di negeri Sarawak seperti di negeri-negeri yang lain di mana kita juga mewujudkan program-program politeknik dan vokasional. Jadi, janganlah Yang Berhormat khatir atas usaha ini dan kita akan mengatasinya serentak dengan kewujudan perindustrian-perindustrian di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pendaftaran guru di sekolah swasta, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, terdapat kriteria-kriteria tertentu mengikut peringkat pendidikan yang hendak dipenuhi sebelum calon-calon guru swasta didaftarkan. Sebelum permit mengajar dikeluarkan, Pendaftar Guru-guru akan menyemak kelulusan dan juga pengalaman guru-guru tersebut untuk

menentukan kesesuaian mereka mengajar dalam kursus-kursus yang dikendalikan di institusi-institusi swasta tersebut

Berhubung dengan kriteria-kriteria menambahkan sekolah, kita mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu. Prinsip amnya ialah di sesebuah sekolah hendaklah menggunakan nama kawasan seperti kampung, tempat, bandar atau jalan di mana letaknya sekolah itu. Nama-nama pemimpin negara, tokoh-tokoh akademik atau tokoh-tokoh yang lain yang benar-benar berjasa kepada negara juga dipertimbangkan sekiranya sesuai.

Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh juga telah menyentuh mengenai aktiviti penterjemahan dan telah mencadangkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka menambahkan bilangan buku-buku terjemahan di samping mempertingkatkan keupayaan bahagian penterjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk menambahkan bilangan bahan-bahan bacaan, terutamanya buku-buku Pengajian Tinggi melalui kegiatan penterjemahan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan untuk kita mencapai maksud ini ialah melalui kegiatan menterjemah sendiri oleh kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka, menggunakan khidmat penterjemah sambilan atau yang bekerja sepenuh masa, menggunakan khidmat syarikat swasta, bekerjasama dengan penerbit negara jiran seperti Indonesia dan menggunakan khidmat penterjemah tamu. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga telah membentuk beberapa jawatankuasa pakar untuk kita melaksanakan tugas penerbitan dan pemilihan buku-buku yang perlu diterjemahkan.

Jadi, untuk menampung kegiatan ini yang semakin bertambah, Bahagian Penterjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka akan dipertingkatkan lagi dari segi kakitangannya dan peralatan seperti komputer untuk mempercepatkan kerja-kerja penterjemahan ini. Dari segi

ganjaran kepada penterjemah ini, ganjaran yang diberi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah lumayan dan merupakan kadar yang paling tinggi diberi oleh penerbit-penerbit kepada penterjemah dalam negara ini.

Mengenai Persatuan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, iaitu Persatuan Asia DiRaja, sebenarnya Kementerian Pendidikan berpendapat Persatuan ini masih boleh memainkan peranannya dalam memberi sumbangan kepada pendidikan negara. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan bersedia untuk mengkaji peruntukan-peruntukan kepada Persatuan Asia DiRaja ini.

Mengenai perkara seramai 2% pensyarah-pensyarah yang berhenti dari universiti-universiti tempatan untuk memasuki sektor swasta, Kerajaan akan mengambil pensyarah-pensyarah baru untuk memenuhi kekosongan ini serta memperkenalkan skim perkhidmatan yang lebih baik supaya fakulti-fakulti yang tergolong dalam perkhidmatan kritikal tidak akan terjejas.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membangkitkan perkara mengenai pra-sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian mengenai pendidikan pra-sekolah di Malaysia telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama UNICEF pada tahun 1980 hingga tahun 1984 dan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai pengalaman pendidikan pra-sekolah adalah lebih bersedia untuk mengikuti pendidikan formal sekolah rendah dan tahap pencapaian mereka ini bagi tiga tahun pertama persekolahan, pada umumnya, adalah lebih baik daripada kanak-kanak yang tidak mengikuti program pendidikan pra-sekolah. Jadi, kita menyedari hakikat bahawa pendidikan pra-sekolah sentiasa memberi manfaat yang positif kepada kanak-kanak serta didapati sebilangan besar kanak-kanak luar bandar dan kanak-kanak miskin di bandar-bandar kita tidak mendapat peluang yang sewajarnya untuk mengikuti program

pendidikan pra-sekolah. Jadi, sebab itulah Kementerian Pendidikan telah mengambil keputusan untuk mengadakan program pendidikan pra-sekolah di kawasan-kawasan yang dikira kita perlu menyediakannya.

Jadi, berbagai persediaan telah kita jalankan untuk melaksanakan program ini. Bilik-bilik darjah yang sedia ada telahpun diubahsuai dan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini sahaja, sebanyak \$140 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan 3,500 bilik darjah bagi tujuan pra-sekolah ini. Sehingga tahun 1993, kebanyakan sekolah yang menjalankan pendidikan pra-sekolah akan menggunakan guru-guru terlatih yang sedia ada, yang akan diberi latihan tambahan. Seramai 1,700 orang guru latihan pra-perkhidmatan mula diambil bagi tahun 1991 dan 1,600 orang lagi akan terus kita ambil setiap tahun sehingga pengambilan pada tahun 1995.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang juga telah menyentuh mengenai buku teks matapelajaran metamatik tahun satu di sekolah rendah yang begitu tebal dan besar. Beliau mencadangkan supaya perancangan dibuat untuk mengubahsuai buku-buku teks sekolah rendah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan sedang meneliti dan berusaha ke arah memperbaiki keadaan ini dan untuk langkah jangka pendek kita menasihatkan supaya aturan pelajar dan mata-mata pelajaran di peringkat sekolah diberikan masa dengan baik.

Ahli Yang Berhormat juga mendakwa bahawa Kementerian Pendidikan telah tidak menyeliaikan kerja-kerja kontraktor dalam projek-projek pendidikan. Sebenarnya, projek-projek pembangunan pendidikan kebanyakannya dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, manakala bagi projek-projek kecil yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, rujukan kepada Jabatan Kerja Raya adalah sentiasa dibuat untuk menentukan cupaya kontraktor yang melaksanakan kerjanya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh

Kementerian Pendidikan. Setiap Jabatan Pendidikan Negeri mempunyai sebuah unit pembangunan untuk menentukan kelicinan perjalanan projek-projek pembangunan pendidikan di negeri berkenaan.

Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan isu mengenai pengurusan perkhidmatan komputer dalam pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah merancang untuk memperbaiki sistem pengurusan perkhidmatan komputer dalam pendidikan bagi tahun 1992. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan telahpun menggunakan khidmat komputer bagi tujuan memproses kemasukan ke universiti-universiti bagi tujuan menjimatkan masa dan ianya bukanlah dilakukan secara manual. Walau bagaimanapun, oleh kerana proses utama atau asas pengurusan pendidikan melibatkan data yang banyak, maka sewajarnya ia melibatkan masa yang agak lama.

Berhubung dengan isu bilangan sekolah swasta yang semakin menurun, Kementerian Pendidikan ingin menjelaskan bahawa kenyataan yang mengatakan bahawa bilangan sekolah swasta kian menurun adalah kurang tepat. Perangkaan-perangkaan yang terdapat di Kementerian kini menunjukkan bahawa bilangan sekolah dan institusi pendidikan swasta bertambah dari setahun ke setahun. Bilangan sekolah dan institusi swasta yang didaftarkan adalah seperti berikut:

<i>Tahun Institusi/</i>	<i>Sekolah swasta</i>	
1985	403	buah
1986	523	„
1987	631	„
1988	719	„
1989	794	„
1990	857	„
(hingga September, 1990)		

Perangkaan-perangkaan di atas telah menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan membenarkan penubuhan dan pendaftaran sekolah dan institusi pendidikan swasta jika penubuhan dan pendaftaran itu mematuhi peruntukan undang-undang dan dasar-dasar Kerajaan yang berkuatkuasa.

Tuan Pengerusi, setakat inilah yang saya dapat jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Kami menyedari bahawa ada beberapa lagi isu yang tidak sempat dijawab di sini dan perkara-perkara itu akan diberi perhatian dan jika sesuai akan diambil tindakan yang perlu.

Jadi, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$6,674,818,800 untuk Maksud B.26; dan \$25,428,400 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,674,818,800 untuk Maksud B.26; dan \$25,428,400 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,248,670,100 untuk Maksud P.26 dan \$10,844,710 yang disebutkan untuk Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,248,670,100 untuk Maksud P.26 dan \$10,844,710 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 (Jadual)—*

*Maksud P.28, P. 31, P.32 dan P. 57 (Anggaran Pembangunan, 1992)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.28, B.29, B.30, B.31 dan B.32 dan P.28, P. 31, P.32 dan P. 57 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Pasir Mas.

*3.51 ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 145, B.28 Program 010700 Jawatankuasa Terbitan Modal.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian Kewangan, berapakah jumlah syarikat-syarikat yang telah ataupun dalam pertimbangan Jawatankuasa Terbitan Modal sekarang ini untuk di senaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin meminta pihak Kementerian Kewangan menjelaskan sedikit mengenai dengan keraguan orang ramai bersabit dengan kedudukan Pengerusi yang ada sekarang iaitu Pengerusi yang ada sekarang ini memegang banyak jawatan dalam syarikat-syarikat perniagaannya, maka apakah ianya tidak bercanggah dengan kepentingan ataupun conflict of interest dalam perkara ini. Ini bagi tujuan meyakinkan masyarakat supaya masalah terbitan modal ini dibuat dengan secara yang profesional.

Perkara yang ketiga, saya ingin mengetahui mengenai dengan Suruhan-

jaya Sekuriti yang bakal ditubuhkan dan bilakah Akta Suruhanjaya Sekuriti ini akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan bagaimanakah bentuk, fungsi dan *modus operandi* Suruhanjaya Sekuriti ini dengan mengambilkira supaya ianya suatu suruhanjaya yang benar-benar berkesan terutama bagi mencegah insiders trading ataupun maklumat dalaman yang dikatakan sering berlaku bagi menjamin kedudukan keteguhan pasaran saham di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah O10800 Unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan.

Tuan Pengerusi, unit ini penting, kerana perjalanan agensi-agensi kerajaan sama ada berjaya atau tidak bergantung kepada peranan unit ini dan saya lihat peruntukan untuk unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan ini ialah \$776,000. Saya ingin meminta dan mencadang supaya unit ini dipertingkatkan dari segi keseluruhan operasinya baik dari segi kakitangan yang terlatih dan juga dari segi programnya terutama pengawasan kepada syarikat-syarikat agensi kepunyaan Kerajaan ini penting supaya tidak terjadi seperti dahulu, banyak juga syarikat-syarikat yang menghadapi masalah dan kerugian dan lambat dikesan. Jika berlaku lambat dikesan dan masalah tidak dapat diatasi, sudah barang tentu peranannya atau tanggungjawabnya ialah pihak Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah banyak kali membuat kenyataan bersabit dengan perjalanan syarikat-syarikat agensi Kerajaan, tetapi kenyataan sahaja tidak mencukupi kalau tidak ada maklumat dan pengesanan yang terperinci, yang detil yang berlaku dalam agensi-agensi Kerajaan. Oleh itu, sewajarnya Unit Pengawasan Syarikat Agensi Kerajaan ini dijadikan unit yang penting di Kementerian Kewangan supaya ia dapat mengenalpasti dengan cepat dan bertindak dengan

cepat jika berlaku sebarang masalah, baik dari segi untung-rugi perniagaannya ataupun jika ada berlaku penyalahgunaan kuasa jika dapat dikesan, sudah barang tentu pihak unit ini dapat alert, dengan izin, pihak Kementerian atau pihak Menteri ataupun mereka yang bertanggungjawab lebih atas supaya dapat bertindak dengan cepat dan segera.

Tuan Pengrusi, perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh adalah sama mengenai dengan perkara yang saya sentuh tadi tetapi dengan lebih memberi penekanan juga kepada Program 020200, mukasurat 146, Unit Sistem Pengurusan Kewangan. Unit ini ada kaitan dengan Unit Pengawasan Syarikat Kerajaan, tetapi ini mengenai dengan pengurusan kewangan. Unit ini juga bertanggungjawab—maksudnya bertanggungjawab seratus-peratus jika berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan dalam pengendalian kewangan, baik di Kementerian Kewangan ataupun yang berkaitan keseluruhannya. Jadi, unit ini juga perlu dipertingkatkan dengan secara yang benar-benar profesional—seratus-peratus profesional, cekap, kemas dan bertindak dengan cepat supaya tidak timbul lagi masalah-masalah yang sering kita dengar. Kalau kita lihat kepada Laporan Jawatankuasa Public Accounts Committee, kita dapati banyak masalah berbangkit mengenai dengan pengurus kewangan. Ini ada kaitan dengan Unit Audit Dalam yang seharusnya diselenggarakan supaya segala-galanya dapat dikesan dengan cepat dan tidak berlaku lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Begitu juga saya ingin menyentuh Program 030100 Pengurusan Kontrak dan Bekalan. Perkara ini banyak kalau kita hendak bercakap, mungkin mengambil masa cukup lama dengan masa yang dihadkan. Sudah barang tentu tak mungkin kita mengemukakan pandangan keseluruhannya, cuma harapan saya, gesaan saya kepada pihak Kementerian Kewangan bersabit dengan

Pengurusan Kontrak dan Bekalan ini ianya suatu jabatan yang paling penting di Kementerian Kewangan yang menentukan bukan sahaja dari segi Kerajaan mendapat faedah sebaik mungkin dan rakyat menerima perkhidmatan semaksima mungkin dan di samping itu pula rakyat ataupun khususnya usahawan bumiputera dapat segala faedah yang semaksimum mungkin sesuai dengan dasar yang dijalankan oleh Kerajaan.

Saya menyebutkan perkara ini sebab saya hendak tanya pihak Kementerian Kewangan bahawa sepanjang tahun 1990 dari segi pengurusan kontrak dan bekalan, pertama berapa banyakkah pihak agensi Kerajaan membuat emergency purchase? Saya pernah membangkitkan perkara ini secara sepintas lalu di waktu berucap di peringkat dasar, sekarang saya ingin bangkitkan kembali kerana tidak diberikan jawapan dengan secara yang lebih detil. Berapa banyakkah jumlah yang Kerajaan membelanjakan wang akibat daripada keputusan membuat pembelian secara emergency purchase. Emergency purchase ini dibuat oleh ketua-ketua jabatan adalah kerana kelewatan dalam sesuatu keputusan terhadap kontrak bekalan. Ini kerana banyak kali sesuatu tender dipanjangkan, dilanjutkan tempohnya, diextendkan period, beberapa kali walaupun sesuatu kontrak itu sudah tamat tetapi mengambil masa yang lama untuk membuat sesuatu keputusan. Oleh kerana itu, agensi Kerajaan ataupun Kementerian-kementerian memerlukan kemudahan dan peralatan, maka terpaksa dibuat dengan secara emergency purchase. Apabila dilakukan melalui emergency purchase, sudah tentulah harganya dua-tiga kali ganda. Kalau ini berlaku dikebanyakan agensi, saya tidak dapat bayangkan berapa banyak Kerajaan terpaksa membelanjakan wang akibat daripada emergency purchase ini.

Perkara yang kedua, di bawah Pengurusan Kontrak dan Bekalan ini

yang penting dari segi peranan menentukan penglibatan dan penyertaan bumiputera secara yang berkesan. Kita mengucapkan tahniah setakat ini dari segi Kerajaan keseluruhannya, dari segi sama ada dasar, program dan segala kemudahan dan bimbingan yang telah diberikan kepada usahawan bumiputera. Tetapi dalam soal mempraktikkan terhadap pembinaan usahawan bumiputera ini, ianya mesti ditunjukkan dengan yang lebih tegas. Saya ingin bangkitkan antara lain, Tuan Pengerusi, walaupun tidak secara detil dan saya tidak bercadang untuk mengemukakan contoh-contoh walaupun saya boleh mengemukakan contoh-contoh, tetapi saya hendak beri suatu contoh dari segi Central Contract ini, di mana kebanyakan barang-barang ini semuanya diperolehi melalui syarikat principal (principal company) daripada luar negara. Sebab kita belum sampai kepada tahap dunia, peringkat teknologi tinggi yang dapat mengeluarkan barang-barang sendiri yang diperlukan.

Maka kita bergantung kepada principle company daripada luar negara. Dan mengikut peraturannya kalau tidak silap saya, principle company ini mestilah melantik agen-agensinya, pembekal-pembekalnya daripada bumiputera. Tetapi dalam pelaksanaan dasar ini, banyak berlaku penyelewengan. Saya difahamkan di antara penyelewengan ini mungkin tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan tetapi mereka yang terlibat adalah terutamanya principle company.

Jadi, sebagai contoh, sebelum mereka bertapak di negara ini, mereka mengatakan memberi commitment untuk membantu bumiputera. Tetapi sesudah mereka bertapak di negara ini, sesudah memperoleh contact ataupun tender melalui nama syarikat bumiputera, dan dalam proses tersebut setelah mereka established, mereka sendiri menubuhkan anak syarikat di mana dalam anak syarikat itu pula memegang kepentingan ekuitinya sampai 40%-50%, di atas

kertas mungkin kurang. Di atas kertas mungkin 51%, hendak qualify sebagai pengedar ataupun pembekal bumiputera.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Akhir sekali syarikat yang 100% asalnya dimiliki oleh bumiputera dipotong hak agensinya dan dipindahkan kepada anak syarikat subsidiary ini.

Jadi, mereka dapat dua untung. Syarikat bumiputera yang menjadi agen ini terkubur di tengah jalan. Dan mereka ini pula pandai, dengan melantik orang-orang ternama, orang-orang yang mungkin ada namalah, Tuan Pengerusi, "ada nama", saya tidak tahu siapalah, cuma saya sebut, "ada nama".

Jadi, sudah tentulah peranan mereka ini dipergunakan, kedudukan mereka dipergunakan oleh principle company. Yang menjadi mangsanya ialah kepentingan bumiputera. Dasar Kerajaan sudah cukup cantik dan saya tidak perlu ungkit lagi dari segi soal commitment Kerajaan terhadap hendak melahirkan seberapa banyak peniaga-peniaga bumiputera. Tetapi dari segi proses pelaksanaan, banyak kes. Saya memang ada diberitahu beberapa perkara dan pernah ada pihak-pihak kontraktor ataupun pembekal membuat aduan, memberi tunjuk contoh-contoh dan bukti.

Oleh itu saya minta supaya pihak Menteri Kewangan supaya memerhati dari segi soal pengurusan kontrak dan bekalan supaya jangan sekali-kali manamana pihak mengambil kesempatan atas nama dasar yang disebutkan tadi semata-mata hendak buat untung secara kilat. Tetapi sebaliknya bumiputera yang sepatutnya kita didik, kita bimbing untuk memenuhi segala tuntutan dasar Kerajaan tidak tercapai. Dan ini berlaku, mungkin terlalu banyak yang Kementerian Kewangan hendak jaga, terlalu banyak yang Kementerian Kewangan hendak awasi. Jadi, segala-gala central

contract pergi ke Kementerian Kewangan. Kemungkinan kerana itu atau kemungkinan tidak upaya, segala-galanya hendak diperiksa, hendak ditentukan oleh pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, sebab itu perbincangan di peringkat dasar, saya pernah mencadangkan supaya kalau boleh dicari jalan dicentralisekan, maknanya mungkin tender-tender yang besar sahaja. Tetapi tender-tender yang sekarang ini dihad \$10 juta ke atas umpamanya, mesti ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Saya pernah mencadangkan kenapa tidak dibiarkan Menteri-menteri ataupun Kementerian masing-masing sesudah diberi peruntukan. Kementerian Kewangan hanya mengawasi dari segi monitoring, baik melalui unit yang saya sebut awal sebelum ini, ataupun banyak lagi badan-badan lain yang bertanggungjawab seperti Badan Pencegah Rasuah dan seumpamanya, yang boleh memastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan. Tetapi kalau segala-galanya ditumpu di situ, sudah tentulah beban Kementerian Kewangan begitu berat sekali, sehingga kalau terlalu berat kemungkinan tidak upaya hendak mengawasi. Berapa tender sehari, mungkin Jawatankuasa Kontrak dan Bekalan memutuskan setiap hari, berapa jumlah, berapa banyak.

Jadi, segala-galanya tertumpu di Kementerian Kewangan sehinggakan Kementerian Kewangan itu dilambangkan sebagai satu Kementerian yang lebih besar daripada Jabatan Perdana Menteri. Kita tidak mahu rungutan ini disalahertikan oleh pihak rakyat sehinggakan orang kata kalau hendak cari makan, Kementerian Kewangan, tempat lain tidak ada. Kementerian yang lain tidak ada kuasa, Jabatan Perdana Menteri pun tidak ada, Kementerian Kewangan. Begitulah precaution ideas yang sekarang ini sudah tertanam di kalangan masyarakat. Dengan sebab itu pihak

Kementerian Kewangan mesti melihat perkara ini dengan serius. Saya percaya dengan Menteri yang baru, yang waktu mula-mula masuk menjadi Menteri Kewangan sudahpun membuat bermacam-macam kenyataan yang saya cukup yakin kenyataannya itu sebenarnya tegas dan berkesan nanti untuk kita lihat supaya segala perkara-perkara yang berbangkit sebelum ini tidak akan berlaku. Kalau tidak, saya takut perkara-perkara ini ibarat kata orang kampung, "keris makan tuan". "Keris makan tuan" ini maknanya kita bercakap bukan main lagi, tetapi takut tidak terbuat.

Saya percaya niatnya mungkin ikhlas. Kesungguhannya mungkin lebih daripada keikhlasan, tetapi soalnya kemampuan untuk melaksanakan. Sebab yang selalu berlaku ialah masalah pelaksanaan, bukan masalah dasar. Dasar sudah digubal dengan begitu cantik. Sebab itu saya harap perkara ini hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kementerian Kewangan dalam soal pengurusan kontrak dan bekalan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, hendak menggulung ini. Ada berapa minit lagi?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Satu minit lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Orang tidak ramai, boleh bercakap banyak.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak, 15 minit sahaja untuk setiap orang.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Minta sedikit lagi, saya hendak habiskan ini. Tuan Pengerusi, saya ada dua tiga tajuk lagi tetapi oleh kerana sudah tidak ada masa, saya hendak sentuh. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Hendak gulung, takkan tak boleh gulung, kalau tidak tergantung.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Satu minit lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya hendak sentuh soal Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri terutamanya Ketua Pengarah dan kakitangannya kerana pungutan hasil cukai meningkat dengan begitu banyak sekali. Dan ini sudah barang tentu kerana kecekapan di kalangan kakitangan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Sehubungan dengan itu, saya hendak merujuk kepada kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri mengenai dengan syarikat-syarikat multi-national corporation yang ada black account iaitu cara menyembunyikan akaun sebenar dan tidak menggambarkan keuntungan syarikat sebenarnya bagi tujuan hendak lari daripada cukai. Kita menyeru kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya lebih tegas kerana mereka sudah banyak mendapat kemudahan daripada Kerajaan, baik dari segi insentif, taraf perintis dan macam-macam kemudahan infrastruktur dan mereka melabur di sini dengan pekerja buruh yang begitu kompetitif, kemudahan dari segi segala-galanya terdapat di negara kita, tidak wajar mereka ini lari daripada cukai. .

Maka Kerajaan sepatutnyalah melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri ini bertindak lebih tegas supaya segala akaunnya diserahkan terutamanya syarikat-syarikat besar ini, baik public listed company, multi-national corporation pastikan mereka menyerahkan akaun yang

sebenarnya dari segi untung rugi, dari segi tujuan untuk memungut cukai seberapa yang boleh bagi kepentingan negara.

**Tuan Pengerusi**, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Klang.

4.09 ptg.

**Tuan Fong Kui Lun (Klang):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 040000 Perkhidmatan Perakaunan, Maksud B.28.

Di bawah Butiran ini saya ingin membangkitkan perkara wang tak dituntut di bawah pengawasan Akta Wang Tak Dituntut, 1965. Masa kini masalah wang tak dituntut semakin membesar bukan sahaja wang tersebut datangnye dari wang caruman KWSP yang tidak dituntut tetapi amaun yang tidak dibayar oleh banyak syarikat, agensi-agensi dan berbagai lagi. Sehingga kini amaun yang sudah dibayar kepada mereka yang patut menerimanya jauh lebih kecil dari amaun yang terkumpul dan ini merupakan wang terkumpul yang tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sejauh mana pihak Kementerian telah berusaha melakukan supaya penama-penama yang sepatutnya menerima wang tersebut boleh dimaklumi.

Saya perhatikan bahawa amaun-amaun yang terlibat biasanya kecil dan jika pun penama mengetahuinya, mereka tidak berminat untuk mengambilnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan di sini bahawa mana-mana amaun yang di bawah \$500 jika penama tidak menuntut sehingga memakan masa bertahun-tahun amaun terkumpul itu, bolehlah dijadikan hasil Kerajaan, setelah pihak Kementerian menjalankan berbagai usaha untuk

memaklumkan penama supaya mengambilnya tetapi tidak diendahkan. Pengambilan wang ini supaya dijadikan hasil Kerajaan bolehlah dibuat setelah menerima pindaan ke atas Akta yang berkaitan. Mana-mana amaun yang melebihi \$500 wang itu bolehlah dilabur dan hasil faedah yang diperolehi dari pelaburan itu bolehlah dibahagi dua antara Kerajaan dan penama.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 050000 Lembaga Pembangunan Langkawi, baru-baru ini Pertunjukan LIMA dianjurkan di Langkawi dan mendapat publisiti yang meluas, baik dalam dan luar negeri dengan penyertaan dari negara-negara maju. Untuk menjayakan pameran dan pertunjukan udara dan laut ini, Kerajaan telah membelanjakan banyak wang dan banyak pihak telah terlibat atau terkesan dengan pertunjukan ini. Sehingga kini tidak diketahui angka sebenar sama ada penghasilan kepada negara ekoran pertunjukan ini diterima baik oleh Kerajaan, syarikat, peniaga-peniaga dan sebagainya. Sekarang cerita LIMA sudah berakhir. Yang tinggal ialah kenangan lama yang manis atau pahit sama ada keluhan kerana wang banyak habis atau serik tidak mahu datang lagi. Inilah kali pertama negara kita menganjurkan pertunjukan udara dan laut seumpama ini. Apatah lagi di pulau yang penuh legenda.

Tuan Pengerusi, barangkali Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah hasil pertunjukan ini kepada negara sehingga Perdana Menteri terpaksa berhari-hari di sana, dan apakah hasil yang diperolehi oleh rakyat tempatan. Yang didengar ialah rungutan atau keluhan tentang harga barang dan tempat perniagaan yang melambung tinggi sehingga Kerajaan tidak dapat mengawasi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru Kerajaan supaya menyediakan laporan post-mortem LIMA dengan mengambil kira semua aspek supaya rakyat

mengetahui apakah LIMA ini benar-benar berfaedah kepada negara atau sebaliknya. Dari segi pembangunan Pulau Langkawi, ianya belum lagi memuaskan. Pelancong hanya datang sekali sahaja, selepas itu tidak datang lagi. Malah makanan dan bukan makanan mahal. Kemudahan asas dan pengangkutan seperti feri perlu diperbaiki lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 060000 Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran di bawah Maksud Bekalan B.30, mukasurat 153 serta Butiran 050000 Kumpulan Wang Kebajikan dan Kemudahan. Bagi Penuntut-penuntut di Luar Negeri. Saya ingin membangkitkan persoalan pelajar-pelajar Malaysia seberang laut yang mana kos pelajaran dan sara hidup mereka di negara-negara yang mana tempat mereka belajar telah meningkat. Malangnya menurut Butiran 050000 tidak ada peruntukan disediakan dan apakah Kerajaan bermaksud untuk tidak mahu mengendalikan rayuan dan tuntutan mereka agar...

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat diperingatkan sekiranya tidak ada peruntukan yang diuntukkan untuk Butiran yang berkenaan, maka jangan sentuh.

**Tuan Fong Kui Lun:** Okay. Apakah Kerajaan bermaksud bahawa ianya hanya berminat untuk membantu pelajar-pelajar dalam negeri sahaja? Saya sudah menyarankan supaya pelajar-pelajar luar negeri diberikan perhatian walau di mana mereka berada sama ada mereka belajar dengan bantuan biasiswa ataupun sendiri kerana dengan keadaan hidup dan sara hidup di luar negeri kadangkala menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran.

Tentang Butiran 040000 Perkhidmatan Perakaunan, saya ingin menyentuh tentang pembayaran keluar

sama ada bentuk cek atau waran dan sebagainya sering lewat sampai beberapa bulan. Misalnya, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mengatur pembayaran bulanan mengenai bantuan tuntutan mereka kepada Jabatan Akauntan Negara memakan masa sampai lebih dua bulan. Apatah lagi jabatan-jabatan lain sehingga dikatakan Kerajaan hanya cekap menuntut wang dari rakyat, tetapi apabila membuat pembayaran memakan masa yang lama.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan ini untuk meminta pihak Jabatan terlibat dengan Jabatan Akauntan Negara dari segi membuat bayaran diberikan perhatian dikaji semula ke arah meningkatkan lagi perkhidmatan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 010000 Pentadbiran Am. Saya ingin membangkitkan masalah yang berlaku dalam industri insurans. Sejak akhir-akhir ini, syarikat-syarikat insurans terutama yang menjalankan perniagaan insurans am telah menekankan syarat-syarat dalam urusan perniagaan insurans motor mereka kepada para pembeli supaya para pembeli mengambil juga insurans non-motor di samping insurans motor. Insurans non-motor itu ialah insurans kemalangan diri dan lain-lain bentuk insurans. Jika pembeli tidak membeli insurans non-motor, mereka tidak boleh membeli insurans motor. Para pembeli mahu tidak mahu terpaksa membeli insurans non-motor dan ini merupakan satu beban kepada para pembeli.

Tuan Pengerusi, alasan syarikat insurans berbuat demikian ialah mereka hendak menampung kerugian yang berlaku akibat kerugian yang timbul dari tuntutan dari insurans motor. Bukan itu sahaja, para pembeli dikenakan premium loading yang tinggi ke atas bayaran premium insurans motor mereka, dan ini bergantung kepada jenis kenderaan yang mereka pakai. Keadaan yang berlaku dalam pasaran insurans am terutama motor membayangkan bahawa per-

lindungan insurans bagi pemilik kenderaan semakin mahal dan membebankan.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang semakin membebankan para pengguna kenderaan. Sebab utama ialah semakin bertambahnya tuntutan motor dalam industri. Sejauh mana Kerajaan berjaya memainkan peranan untuk menyaring sama ada sesuatu tuntutan itu palsu atau tulen. Jawapan yang boleh disifatkan boleh diterima, tidak ada. Kerajaan harus mempertingkatkan kawalan bagi tuntutan palsu bagi mengelakkan ke-lambatan tuntutan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi pasaran insurans motor juga terdedah kepada amalan pengeluaran surat perlindungan (cover note) palsu kepada pembeli-pembeli insurans motor yang dilakukan oleh sindiket-sindiket.

Tuan Pengerusi, walaupun amalan buruk ini belum sampai ke tahap yang membahayakan industri, tetapi jika langkah-langkah pencegahan yang ketat tidak diperkenalkan, saya bimbang keyakinan para pengguna kepada industri insurans terutama agen-agen mereka akan luntur. Kawalan ke atas cover note di samping pengeluaran cover note yang bercirikan keselamatan haruslah diperkenalkan oleh industri ini.

Di samping itu, penggunaan kad kredit sudah sampai ke tahap yang membimbangkan. Setiap isi rumah sudah terdedah kepada hutang yang bertimbun akibat penggunaan Kredit Kad yang berlebihan.

Tuan Pengerusi, kemudahan Kad Kredit sebenarnya menggalakkan rakyat berbelanja lebih dari kemampuan mereka.

Kerajaan terutama Bank Negara digesa supaya menyemak semula dasar

penggunaan Kad Kredit yang dibenarkan oleh bank-bank ke arah mendidik rakyat supaya tidak berbelanja lebih.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 010300 Penyemakan Cukai. Saya ingin menyentuh tentang cadangan Kerajaan untuk membatalkan Duti Harta Pesaka. Langkah Kerajaan yang sungguh berani untuk membatalkan duti yang diberikan hasil dari Duti Harta Pesaka yang melebihi \$2 juta adalah sungguh memeranjatkan. Ini bererti harta pesaka kepunyaan hartawan, jutawan termasuk jutawan politik Barisan Nasional akan terlepas dari Duti Harta Pesaka, dan harta pesaka mereka akan tidak diketahui oleh orang lain.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Fong Kui Lun:** Ya. Saya juga ingin menyentuh tentang pelaksanaan Harta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976. Saya merasa musykil bagaimana Menteri Kewangan boleh memberikan pengecualian kepada UMNO Cawangan Pudu, daripada pembayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah akibat memindah harta kepunyaan UMNO Cawangan Pudu kepada Koperasi Kopadu Berhad. Ini adalah sungguh anih.

UMNO yang memperkenalkan Akta ini tetapi UMNO juga yang meminta pengecualian. Jadi kepada siapakah ditujukan undang-undang ini? Apakah rakyat biasa parti-parti politik Pembangkang atau siapa? Jika Kerajaan boleh mengelualikan UMNO dari sebarang Cukai Keuntungan Harta Tanah, maka parti Pembangkang juga berhak mendapatkan pengecualian itu. Jika tidak, adalah jelas Kerajaan melakukan double standard ke atas rakyat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Arau.

## 4.23 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Butiran B. 28 di bawah tajuk Pentadbiran Am, sekali gus merangkumi Jawatankuasa Terbitan Modal dan juga Pengurusan Kontrak dan Bekalan.

Untuk membolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia, tajuk saya:

yang pertama, ialah mengenai rundingan terus.

yang keduanya mengenai TPU; dan yang ketiganya ialah TUB.

Perkara ini adalah di bawah Kontrak dan Bekalan mengenai urusan kontrak rundingan terus yang dibuat oleh pihak Kerajaan dengan Persatuan Pemborong-pemborong.

Baru-baru ini saya telah menimbulkan perkara ini di Parlimen, dan saya bersyukur kerana pihak Kementerian telahpun memaklumkan kepada Persatuan Pemborong bahawa mereka terpaksa berawas sedikit untuk memberi tender-tender ini kerana takut Shahidan bantai lagi di Parlimen. Jadi saya bersyukur kerana sekurang-kurangnya suara saya itu didengari, tetapi saya harap didengari dengan tepat.

Yang pertamanya, sebelum saya menceritakan sedikit tentang perkara ini, saya hendak ucapkan tahniah kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan dan juga Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang telah berjaya membentangkan Belanjawan sehingga mana-mana pihak tidak boleh lagi mempertikaikannya termasuk DAP, yang pada hari ini kita tengok semuanya menyokong tentang perbelanjaan yang dibawa termasuk juga Ahli-ahli Pembangkang yang lain.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan rundingan terus. Saya telah sebutkan tempoh hari bahawa kalau sekiranya pihak Kerajaan meneruskan usaha

usaha sekarang, iaitu kontrak rundingan terus yang diberikan kepada konsortium bumiputera, ianya menimbulkan masalah kerana konsortium pula memanggil tender semula. Itu yang saya tekankan. Apakah boleh pihak Kementerian kalau hendak beri rundingan terus ini supaya tidak mengenakan syarat kepada konsortium supaya tidak memanggil semula tender berkenaan. Saya beri sebagai contoh yang paling ringkas. Kita membina sebuah sekolah dan dalam sekolah itu katakanlah ada pembinaan longkang. Di bawah tajuk longkang itu mungkin belanjanya lebih kurang \$100,000 yang mereka masuk. Tetapi mereka ini memanggil tender semula dan pemborong-pemborong ini terpaksa berlawan habis-habisan sehingga mungkin sampai ke tahap \$60,000. Jadi yang \$40,000 ini masuk kepada konsortium, yang kontraktor bumiputera tadi hanya dapat masuk \$60,000 dan selalunya mereka tidak dapat menyiapkan oleh kerana harganya terlampau murah. Kalau mereka dapat siap pun, saya rasa keuntungannya tidak sampai ke tahap ke mana-mana, berdasarkan jangka masa yang terpaksa mereka buat. Jadi apa yang dibuat oleh Kerajaan bagus, tepat sekali iaitu untuk menolong bumiputera supaya mendapat tender-tender ini daripada pihak Kerajaan. Tetapi masalahnya syarat yang dikenakan apabila sampai ke peringkat bawah. Saya tanya konsortium, "Kenapa buat macam ini?" Dia kata, "Ini syarat Kementerian Kawangan."

Saya minta supaya diubah syarat itu supaya kalau hendak runding terus, runding terus sampai ke peringkat bawah. Makna kata kalau sekiranya di bawah tajuk longkang \$100,000 apa salahnya kontraktor yang masuk di bawah tajuk longkang itu diberi \$100,000 oleh kerana konsortium sendiri pun telahpun diberi percentage keuntungan tertentu, mungkin 3%-4% dan itu sudah cukup. Tetapi jangan lagi mengambil keuntungan tambahan, itu yang saya maksudkan. Saya harap tidak

disalaherti dan disalahfaham oleh mana-mana pihak termasuk pegawai Kerajaan—ubahkan.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini—ini UMNO yang cadang dan UMNO juga bumiputera supaya kalau sekiranya Kerajaan ingat yang bumiputera itu boleh berdaya maju, tolong terus.

Saya menyokong 100% dan inilah caranya untuk membolehkan kita menolong dan boleh nampak pertolongan kita itu dapat kejayaan. Kalau kita sangka Tan Sri Azman Hashim boleh berjaya, kita boleh tolong terus Tan Sri Azman Hashim dan tidak boleh berhentikan pertolongan kita. Itu yang saya maksudkan supaya orang yang kita tolong itu nampak kejayaannya.

Yang jadi masalahnya, ini termasuk sekali di bawah Jawatankuasa Terbitan Modal, katalah di bawah Jawatankuasa Terbitan Modal kita berikan kepada bumiputera 10 juta unit dan sebagainya. Kita bahagi-bahagikan sampai ke kerak nasi, Tuan Pengerusi, seorang 10 unit-10 unit apa yang kita nampak. Akhirnya kita jual, bila beri siapa pun—kepada Yang Berhormat dari Parit saya tidak tahulah, itu terpalang—kalau beri 10 unit kita hendak simpan buat apa? Kita jual kerana untungnya \$10,000-\$20,000, tetapi kalau diberi kepada Yang Berhormat dari Parit, katakan 1 juta unit, nampak benda itu boleh dijadikan modal pusingan untuk membesarkan perniagaannya. Dia mungkin boleh untung \$10 juta ataupun \$5 juta. Ini yang saya maksudkan. Kalau hendak tolong, tolong yang betul-betul berdaya maju dan boleh nampak pertolongan kita, dan kita dapat wujudkan orang yang berjaya, jutawan yang berjaya—satu, dua, tiga kita boleh bilang.

Sekarang ini kalau kita beri seorang 10 unit, 10 unit sampai ke cawangan, tidak nampak, akhirnya duit habis macam itu sahajalah—beli motor, kereta baru, kahwin lain dan sebagainya. Jadi ini tidak bermakna. Apa yang Kerajaan

buat pada peringkat yang lepas itu bagus, tetapi sekarang ini hendak menuju ke Wawasan 2020, tidak bagus cara itu.

Tuan Pengerusi, saya minta supaya rundingan terus ini diberi kepada dua, yang pertama diberi kepada konsortium dengan tidak dikenakan syarat bahawa mereka mesti memanggil tender semula, tetapi sebaliknya memberikan kontrak itu atau diagihkan kepada bumiputera berdasarkan kepada harga yang mereka masuk kepada Kementerian Kewangan.

Yang keduanya rundingan terus diberi kepada bumiputera yang berdaya maju. Saya tidak akan memberi contoh kerana saya tidak kenal ramai. Contohnya siapa-siapa yang kita anggap berdaya maju boleh diberi terus. Ini kita hendak cadangkan dan saya minta Yang Berhormat tolong ambil perhatian sebab ini saya rasa cara yang paling tepat hendak membantu bumiputera.

Saya bercakap ini adalah bagi pihak bumiputera dan juga bukan bumiputera—bagi pihak MCA dan juga DAP. Sebab kalau sekiranya bumiputera dapat, apapun projek yang bumiputera dapat, tidak pernah bumiputera kata dia hendak makan seorang—tidak, semuanya mesti dirasai bersama. Malah dari \$500 juta di bawah Tabung Pemulihan Usahawan yang telah diberikan kepada bumiputera saya ingat 70% bukan bumiputera juga menikmati bersama sebab semua bekalan terpaksa didapatkan daripada bukan bumiputera termasuk kerja-kerja sub-kontrak yang diberi kepada bukan bumiputera. Bukan bumiputera akan menyokong. Wakil Kota Melaka akan menyokong saya kerana walaupun diberi \$1 bilion kepada bumiputera, tetapi kita tahu akhirnya \$600 juta akan dapat kepada bukan bumiputera.

Ini satu benda yang bagus yang semua orang akan menyokong saya. Sekiranya mereka tidak menyokong, maka mereka tidak menyokong bukan bumiputera. Itu sebab DAP tidak berani kacau saya dalam tajuk ini sebab mereka menyokong supaya benda ini diteruskan.

Jadi, untuk Persatuan Konsortium Bumiputera seluruh Malaysia, jangan silap faham. Saya tidak mengatakan bahawa tidak patut diberi. Boleh diberi dengan syarat, kalau boleh mereka tidak diarahkan untuk panggil semula dan yang keduanya, dibenarkan rundingan terus kepada mana-mana Persatuan Kontraktor. Saya akan sampaikan circular ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1982. Tidak payah saya baca, surat ini panjang. Kemudian ada pula Surat Pekeliling Bilangan 31 Tahun 1982. Yang pertama ditandatangani oleh Dato' Salehuddin Mohammad, bekas KSN. Yang kedua, Encik Husaini Abdul Jamil, Pengarah Bahagian Kontrak dan Bekalan. Ini dengan secara terang dan nyata bahawa tiap-tiap kali tender hendak keluar, salinan diberi kepada Dewan Perniagaan dan orang-orang yang hendak dapat. Kalau sekiranya ada dua pender, satu bukan ahli dan satu lagi ahli, mestilah dipertimbangkan kepada ahli Dewan Perniagaan. Tetapi sekarang, tidak diturut dan saya tidak pernah jumpa circular selepas circular 1982 untuk meminda circular atau Pekeliling ini.

Tujuan Kerajaan beri bantuan kepada mereka ini menjadi ahli Persatuan ialah supaya mudah ahli-ahli Persatuan hendak groomkan, dengan izin, mana-mana ahli yang kita rasa boleh berdayamaju. Kita tidak mahu Kerajaan tolong secara rambang. Beri perhatian betul-betul supaya dapat wujud dan nampak dengan mata kepala kita.

Jadi, itulah secara ringkasnya, sebab masa tidak mengizinkan, saya minta supaya Kerajaan beri dua perkara ini; rundingan terus tetapi dengan syarat tidak dipanggil semula. Yang kedua, rundingan terus kepada mana-mana bumiputera yang kita rasa boleh berdayamaju.

Yang keduanya, fasal TPU. Pertama sekali, kita ucapkan terima kasih kerana Kerajaan tolong, sebab kita manusia yang berbudi. DAP, walaupun dapat gaji dari Kerajaan, tidak pernah ucap terima kasih. Terima kasih kerana tolong dan

yang keduanya, ini masalah TPU yang kedua.

Panel Khas TPU dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Sharif, kemudian Timbalannya, Dato' Bashir, penasihat Bank Negara. Ahlinya termasuklah Dato' Bakar Lajim, Dr. Nawawi Mat Awin, Tuan Syed Amin dan juga wakil-wakil bank. Panel Khas TPU ini kita dapati peranannya kadang-kadang macam juga Timbalan Menteri Kewangan atau Menteri Kewangan iaitu mereka mesti terima apa yang orang cadangkan. Kontrak yang \$10 juta ke atas mesti sampai ke Kementerian Kewangan tetapi saya tengok Menteri mesti terima apa yang dicadangkan oleh JKR. Tidak payah pergi ke Kementerian Kewangan macam itu sebab yang kita mahu kalau sampai ke Kementerian Kewangan, adalah hak Kementerian Kewangan untuk menentukan siapa yang mereka harus beri. Saya tengok kalau pergi ke Kementerian Kewangan, apa yang mereka cadangkan itu mesti diterima. Tidak payah pergi kepada Yang Berhormatlah, buat lambat sahaja. Kalau sekiranya beri syarat kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan mestimempunyai hak untuk menentukan sebab Kementerian Kewangan tentulah ada perkara-perkara lain yang harus ditimbang dan saya tidak bersetuju dengan kawan saya supaya benda ini diserahkan balik kepada Kementerian. Saya ingat had \$10 juta mesti diberi kepada Kementerian Kewangan sebab ini adalah dari segi kawalan. Ini cukup penting.

Ini fasal Panel Khas TPU. Panel Khas TPU ini, walaupun kita kata dia ada kuasa tetapi Panel Khas ini menerima laporan daripada bank. Bank pula menerima laporan daripada juru perunding. Jadi, kalau bank itu suka dengan peminjam itu, cari juru perunding supaya buat recommendation bagus-bagus sampai kepada Panel Khas. Jadi, Panel Khas juga akhirnya jadi rubber stamp, tidak boleh buat apa. Dia cuma cop, lepas. Itu pun kalau Panel

Khas lulus. Ada kes-kes sampai satu tahun tidak dapat duit.

Jadi, cadangan TPU yang kedua ini, yang telahpun kita beri kepada Kementerian Kewangan supaya Dewan Perniagaan juga dibenarkan untuk membuat cadangan balas sebab kita lihat cara permainan macam ini ia jadi cerita macam orang sakit jantung. Sebenarnya TPU ini sakit jantung. Orang itu sepatutnya bila kita hendak buat operation, hendak kena bedah segera, kalau tidak sekejap lagi habis gollah. Kita minta I/C dahulu, duit cagaran, akhirnya dia masuk Operation Room, angkat sahaja pisau, dia pun habis. Kita mahu supaya yang disebutkan Tabung Pemulihan Usahawan ini, ia tidak payah beri I/C, tidak payah ada wang cagaran, ia masuk Operation Room dan kita potong. Akhirnya kita boleh ganti dengan elok dan dia boleh bernafas.

Sebab berdayamaju ini, Tuan Pengerusi, ia ada berdayamaju dalam masa setahun, ia ada berdayamaju dalam masa dua tahun. Bukan semua berdayamaju sampai hari Kiamat. Sebut kepada saya, apa projek yang boleh berdayamaju sampai hari Kiamat? Tidak ada orang hendak sebut, maknanya saya betul. Tidak ada projek yang boleh berdayamaju sampai hari Kiamat. Ia ada hadnya.

Saya beri contoh macam perusahaan batu di negeri Perlis. Ada seorang kawan saya dapat perusahaan batu di negeri Perlis. Perusahaan batu ini berdayamaju dalam tempoh tersebut oleh kerana kita tengok dari segi Belanjawan tahun yang berkenaan, sekian-sekian banyak dalam masa yang sama Kerajaan Negeri Perlis hendak tambun laut. Berdayamaju dalam tahun itu tetapi projek itu diluluskan dua tahun selepas itu. Dia kata macam mana hendak berdayamaju? Masalahnya juruperunding itu tidak pakar dalam bahagian untuk membuat penilaian dan juruperunding juga terikat dengan bank. Dia takut bank tidak beri kerja pada dia. Sahabat saya tidak datang, kalau tidak

dia kena tolong bantu saya sebab dia di antara orang yang terlibat dengan juruperunding yang berkenaan.

Jadi, sekarang ini masalahnya sekiranya kita hendak mengikut peraturan bank, kita tidak payah buat TPU sebab tidak ikut peraturan yang bank kenakan itu, tidak payah pakai I/C, dan tidak payah pakai wang cagaran, kita buat TPU. Itu sebab kita beri Panel Khas menentukan supaya Panel Khas ini dibenarkan, di atas cadangan kita yang kedua ini, supaya Dewan Perniagaan sendiri mempunyai juru-perunding untuk membuat cadangan balas. Kalau ikut peraturan bank, biasanya dan kita potong, ikut peraturan banklah. Kalau begitu, tidak payah buat TPU, pakai bank sahajalah. Walaupun ada Bank Negara, Dato' Sharif sendiri sebagai Timbalan Pengerusi, dahulu Ketua Pengarah EPU, sekarang Treasury, dia tidak boleh buat apa-apa sebab bila pergi bank, bank hendak release duit, dia tunggu setahun lagi. Ini yang menjadi masalah TPU kedua ini.

Ada kawan-kawan saya yang saya tengok perniagaannya sampai ke \$30 juta, sekarang ini sudah bergoyang. Kalau orang macam ini jatuh, rugilah kita. Bukan senang hendak wujudkan orang yang macam ini. Saya sendiri pun ke tahap itu tidak sampai lagi. Kawan-kawan saya yang DAP lagilah tidak boleh. Tidak pernah berniaga langsung, dia tidak tahu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh, ada satu lagi. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sila gulung, masa tidak mengizinkan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ucapkan terima kasih tentang apa yang Kerajaan beri tetapi kita minta supaya soal peraturan bank itu ditimbang semula.

Kemudian fasal TUB, sebab kita sudah ada pengalaman fasal TPU. Sebelum terlewat, TUB mesti mengikut proses yang kita buat untuk TPU tetapi kali ini supaya Panel Khas ataupun apa-apa panel yang diberikan untuk TUB ini diubahsuai, disusun semula.

Pada masa sekarang ini TUB diberi pada panel-panel bank. Macam Perwira Habib Bank; ini bukan untuk tujuan publisiti, saya ingat dia buat okay. Bank-bank lain tidak mahu sebut nama tetapi kalau sebut nama, kita pun rasa keciwa dengan mereka. Sekarang ini diberi kepada panel-panel bank dan panel bank ini juga akan mengikut syarat bank. Dia tidak ada pilihan, hendak marah dia pun tidak boleh. Jadi, apa salahnya Tabung ini dimasukkan ke dalam bentuk yang dibuat oleh TPU iaitu Panel Khas dengan penyertaan bersama Dewan Perniagaan.

Dengan itu, kalau tadi Tabung Pemulihan Usahawan untuk memulihkan orang sakit jantung, kita buat operation dengan tidak mengikut peraturan-peraturan tadi, yang ini ialah usaha-usaha mencegahnya daripada jadi penyakit jantung. Supaya TUB ini boleh bersedia, dia boleh makan makanan dengan betul, supaya kolestrol tidak tinggi dan dia tahu apa yang dia boleh makan. Macam sekarang ini, daging yang paling baik di dalam dunia ialah daging arnab, dia tidak akan kena penyakit jantung. Jadi, TUB juga mengikut hala-cara daging arnab—tidak ada penyakit jantung. Maknanya kita boleh buat persediaan daripada awal untuk membolehkan supaya mereka yang terlibat dengan TUB ini akan terus berjaya.

Itulah pandangan dan cadangan saya. Bahasanya tinggi sedikit tetapi niatnya ikhlas hendak tolong kawan-kawan saya di belakang ini sebab dengan kita tolong mereka, sekaligus usaha-usaha Kementerian yang begitu suci murni dapat dilaksanakan dengan baik.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi. . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Berhubung dengan Jawatankuasa Terbitan Modal, sedikit lagi boleh atau tidak?

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Jadi, saya minta Kementerian, sebab saya sudah timbulkan perkara ini berulang kali tetapi saya tidak mendapat jawapan. Pemerhati-pemerhati saya ramai di belakang yang datang hendak dengar tentang tajuk ini dan tajuk ini agak sensitif sedikit. Saya harap mendapat jawapan yang baik dari Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Nilam Puri.

4.40 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020500 Analisa Cukai sebab perkara ini penting kerana kita lihat cukai-cukai yang dikenakan dalam Belanjawan pada tahun ini ada di antaranya baik dan ada di antaranya yang sepatutnya ditambahkan cukai tidak dicukai. Yang menghairankan kita, kenapa arak dan rokok dicukai begitu tinggi dalam usaha untuk mengurangkan orang menghisap rokok dan orang minum arak. Kita pun bersetuju, tetapi cukai terhadap judi tidak ada perubahan sehinggakan dalam *Majalah Far Eastern Economic Review*, "The New Tycoon" yang muncul sekarang, Ananda Krishnan telah menyatakan bahawa beliau sekarang ini menjadi hebat perniagaannya kerana beliau mendapat kemudahan, ertinya tidak ditambah cukai dalam bentuk perjudian seperti perniagaan yang dia miliki, "Big Sweep" dan juga ramalan nombor ekor yang begitu banyak kedai-

kedai dibuka sekarang ini. Kita juga naik hairan kenapa tokeh-tokeh judi ini yang mengaut keuntungan yang begitu banyak dan mereka sendiri mengakui membuat keuntungan, mereka tidak dicukai, sebab bagi kami kalau boleh judi ini tidak usah ada cukai langsung, haramkan terus. Tetapi kalau sudah ada dan mereka ini diberi keistimewaan, apakah keistimewaan itu kerana Ananda Krishnan ini sebagai orang baru the new mentor kepada Perdana Menteri bersama seorang tokeh judi yang dahulu Vincent Tan dan juga Lim Goh Tong yang kita tahu mereka ini mendapat keistimewaan kerana mereka menderma begitu banyak kepada Tabung Pemuda UMNO di bawah Al-Sheikh Anwar Ibrahim yang dahulu menerima derma judi daripada Syarikat Lim Goh Tong.

Oleh itu dalam analisa cukai ini kita harap supaya judi ini kalau boleh diharamkan terus. Kalau tidak diharamkan, cukai mesti dikenakan begitu tinggi. Cukai judi sama juga dengan arak dan sebagainya supaya bagi susah kepada orang yang hendak main pun. Tetapi bagi kami daripada PAS kena haramkan sahaja, tetapi mereka tidak dikenakan tambahan cukai adalah satu perkara yang pelik bin ajaib.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 050000 Lembaga Pembangunan Langkawi. Langkawi sekarang ini memang membangun begitu hebat terutama sekali selepas Langkawi diisytiharkan sebagai kawasan bebas cukai dan pembangunan di sana bangun begitu hebat sekali. Tetapi kalau kita pergi membuat interview, maka kita dapati penduduk-penduduk bumiputera Langkawi amat gelisah terutama sekali para nelayan dan juga orang-orang yang bersawah padi di situ kerana pembangunan di situ kita lihat tidak seimbang untuk membela penduduk-penduduk asli ataupun bumiputera di situ dengan kedatangan tokeh-tokeh hotel yang begitu banyak datang ke Langkawi sehinggakan ikan kembung sekarang ini sekati \$4 di Langkawi,

kerana ikan-ikan yang agak mahal dibolot oleh hotel. Hotel tiada masalah untuk membeli ikan yang mahal disebabkan harga kosnya ditanggung oleh orang yang datang makan di hotel itu, tetapi penduduk-penduduk tempatan gelisah betul, hendak kencing pun dikenakan 30 sen sekarang di Langkawi. Begitu mendadak naik dan bumiputera tidak dapat kejar pembangunan yang begini pesat berlaku, tidak seimbang.

Adanya pertubuhan seperti CAP, Aliran yang membuat kajian tentang masalah penduduk di Langkawi itu, tetapi kita lihat Menteri Kewangan dan Perdana Menteri membidas mereka dengan mengatakan musuh daripada Pulau Pinang yang datang menghasut penduduk-penduduk di situ. Sebenarnya mereka membuat kajian tentang pembangunan Langkawi tetapi kajian mereka itu apabila dibentangkan dalam majalah-majalah, kita lihat Kerajaan bertindak memusuhi badan-badan yang membuat kajian ini sehingga mereka diberi gelaran dengan berbagai-bagai perkataan yang buruk.

Bagi kita bumiputera ini terasa gelisah bila kita melawat Langkawi terutama sekali kami yang berasal dari Pulau Pinang yang melihat pembangunan Pulau Pinang memang gelisah. Sebab kita bimbang Langkawi akan menjadi Pulau Pinang, bumiputera di Batu Peringgi, di Telok Bahang, bumiputera di Balik Pulau melihat kebangkitan hotel-hotel yang begitu hebat—Mat Salleh tidak pakai baju di pantai-pantai tetapi mereka hanya menggigit jari sambil menikmati badan Mat Salleh yang terlentang di pantai, tetapi rumah mereka terlalu robek. Langkawi juga akan menjadi demikian kalau tidak dikawal. Oleh itu, Lembaga Pembangunan Langkawi ini hendaklah fikir secara serisu supaya kita mahu maju dan kemajuan itu hendaklah dinikmati oleh semua pihak.

Begitu juga tentang Lembaga Pembangunan Langkawi ini \$35 juta

diperuntukkan supaya mereka kaji juga soal pencemaran kerana apabila kita pergi melawat di sana, Teluk Datai misalnya, pencemaran berlaku begitu hebat sehingga orang kampung yang mencari siput di pantai untuk makanan tambahan mereka, sudah tidak dapat cari lagi—siput sudah habis mampus, kerana hotel-hotel di Teluk Datai itu membuang sisa-sisa hotel itu tanpa melalui proses neutralisation yang begitu baik maka mata pencarian penduduk di situ menderita. Kita tidak mahu satu hari penduduk Langkawi berpindah ke tanah besar untuk mencari rezeki di sini walaupun pembangunan di sana pesat tetapi penduduk di sana terpaksa berpindah untuk mencari rezeki di lain-lain tempat. Itulah ingatan saya kepada Lembaga Pembangunan Langkawi sebab perkara ini terlalu serius kalau kita tidak fikirkan daripada sekarang. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bukit Bintang.

4.48 ptg.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan B.28, Butiran 010000 dan Program 010100 dan 010200 dengan sekali gus.

Tuan Pengerusi, tadi kawan saya dari Klang ada membangkitkan perintah yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan pada 3hb Jun, 1991. Perintah itu berbunyi begini:

“Menteri mengecualikan UMNO Cawangan Pudu daripada membayar cukai keuntungan hartanah berkenaan dengan keuntungan yang diperolehi daripada pemindahan harta yang dipunyai oleh UMNO Cawangan Pudu kepada Koperasi KOPADU Bhd. menurut pinjaman dalam perjanjian bertarikh 10hb Oktober, 1986 yang dibuat di antara UMNO Cawangan Pudu dan Koperasi KOPADU Bhd”.

Ini satu perintah yang tidak bersesuaian dan tidak baik dan ini juga menunjukkan Menteri Kewangan menyalahgunakan kuasa, abuse of power, dengan izin. Pada pandangan saya, Cawangan UMNO tidak berhak mendapat hak keistimewaan seperti ini ataupun Kerajaan Barisan Nasional sudah menukar satu dasar yang baru untuk parti-parti politik dalam negara kita boleh dapat hak keistimewaan seperti ini dapat dikecualikan cukai-cukai keuntungan dari harta atau lain-lain.

Saya mahu Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sama ada Kerajaan Barisan Nasional sudah menukarkan satu dasar yang baru untuk mengecualikan semua parti politik di atas cukai keuntungan hartanah. Kalau tidak, inilah satu bukti yang paling terang bahawa Kerajaan Barisan Nasional sudah menyalahgunakan kuasa (abuse of power).

Satu lagi, Tuan Pengerusi, sama ada Menteri berkenaan sedar atau tidak T.A. Securities Sdn. Bhd. satu syarikat menjual saham di Kuala Lumpur, ada banyak remiser yang tidak berlesen beroperasi di dalam syarikat T.A. Securities ini. Dan orang belakang T.A. Securities ini adalah seperti kata kawan saya dari Nilam Puri iaitu Tan Sri Vincent Tan. Saya dapati bahawa ada kakitangan Kerajaan yang pergi untuk ambil tindakan di T.A. Securities, mereka telah dipanggil balik atau diancam oleh Pengurus T.A. Securities bahawa kalau mereka tidak mahu ada apa berlaku in the future, mereka tolonglah balik. Kalau tidak, supervisor mereka akan ambil tindakan.

Saya harap Menteri Kewangan boleh ambil tindakan sewajarnya terhadap T.A. Securities Sdn. Bhd, kalau tidak orang awam akan dijejaskan oleh praktis-praktis semacam ini oleh kerana remiser ini tidak berlesen. Kemungkinan Menteri berkenaan juga tidak sedar atau kalau sedar pun buat tidak sedar, oleh

kerana apa yang saya diberitahu ada banyak tokoh politik Barisan Nasional. Bukan setakat Vincent Tan sahaja, malah ramai tokoh Barisan Nasional di belakang T.A. Securities ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 040000, Pencegahan dan Program 040100. Ini soal Kastam.

Menteri yang berkenaan sedar atau tidak bahawa ada ramai orang lari daripada cukai terutamanya dari Singapura ke Malaysia. Dan mereka membeli TV atau electrical appliances, dengan izin, dan mereka menanggalkan komponen dalam TV dan electrical appliances dan mereka memasukkan barang-barang secara komponen dan bukan TV set. Oleh kerana kalau mereka bawa TV set masuk ke sini, cukainya lebih tinggi iaitu 45% rasa saya. Dan kalau dibawa dalam bentuk komponen, cukainya mungkin 10% atau 15% sahaja. Dan sekarang praktis ini boleh dikatakan sangat berleluasa. Ramai orang yang menjalankan aktiviti seperti ini, bawakan TV set masuk ke sini dan mereka tanggalkan dulu komponennya di Singapura dan masukkan TV tube serta komponen seperti IC atau casingnya dan mereka memasang balik di Malaysia. Mereka kemudian akan menjualkan balik TV ini seperti harga pasaran dengan cukai yang dicukaikan oleh Kerajaan. Dan Menteri berkenaan sedar atau tidak, oleh kerana saya juga diberitahu bahawa Pejabat Kastam juga ada dimaklumkan perkara begini tetapi mereka tidak boleh ambil tindakan dengan sewajarnya. Mungkin ada pihak yang tertentu mendapat kemudahan atau sumbangan, kalau kita tidak gunakan "sogokan"—sumbangan yang istimewa. Kalau Kerajaan tidak ambil tindakan yang tegas dalam perkara ini, memanglah pendapatan Kerajaan daripada cukai mestilah rendah dan tidak berpatutan. Dan saya harap Kementerian boleh ambil tindakan yang sewajarnya mengenai perkara ini.

Satu perkara lagi iaitu Butiran 010000 Pentadbiran Am. Kerajaan Barisan Nasional sudah melancarkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam supaya Kerajaan Tempatan, DBKL dan pemaju-pemaju swasta untuk membangunkan rumah kos rendah. Memang Kerajaan Tempatan ada membina rumah kos rendah. Tetapi sekarang masalahnya begini. Pembeli-pembeli rumah kos rendah tidak boleh meminjam wang daripada bank-bank dalam negara kita oleh kerana bank-bank tidak dapat untung yang besar. Jadi bank-bank sendiri keberatan untuk memberi pinjaman kepada pembeli rumah kos rendah. Dan saya sendiri ada telefon kepada bank-bank yang tertentu, menanya mereka yang saya hendak buat pinjaman untuk membeli rumah kos rendah. Mereka beritahu saya bahawa mereka tidak mahu memberi pinjaman, oleh kerana mereka tidak dapat keuntungan yang baik.

Jadi, kalau Kerajaan ada satu dasar untuk membina lebih banyak rumah kos rendah, kalau bank-bank atau institusi-institusi kewangan tidak memberi pinjaman kepada orang awam, bagaimana Kerajaan boleh mencapai matlamat pembinaan rumah kos rendah ini? Bagaimana orang awam boleh beli rumah kos rendah? Saya harap Menteri berkenaan ambil tindakan atau mengarahkan kepada Bank Negara. Sangat senang. Bank Negara mengarahkan semua bank-bank atau institusi kewangan supaya mereka memberi priority, dengan izin, kepada peminjam-peminjam untuk membeli rumah kos rendah. Dan juga kalau boleh, Kementerian berkenaan buat satu kenyataan akhbar kepada orang ramai, iaitu kalau sekiranya mereka sukar mendapat pinjaman daripada bank-bank, supaya mereka boleh menulis surat aduan kepada Kementerian ataupun Bank Negara supaya Bank Negara boleh ambil tindakan terhadap bank-bank ini.

Satu fakta yang kita tidak boleh nafikan ialah bahawa bank-bank dan

institusi kewangan di negara kita, tujuannya yang pertama ialah mendapat keuntungan yang besar. Jadi mereka tidak akan berikan pinjaman kepada pembeli rumah kos rendah. Dan kalau Bank Negara dan Kementerian sendiri tidak campur tangan dan ambil tindakan, berani saya kata dengan terus terang—pembeli rumah kos rendah tidak akan dapat pinjaman daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan di dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka. Selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.59 ptg

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud Bekalan B.28, Butiran 010000, 010100 Pentadbiran.

Saya pernah membangkitkan perkara ini dalam perbahasan yang sama pada tahun lepas mengenai pengiraan kadar faedah yang dibuat oleh bank-bank dan institusi kewangan di mana pengiraan faedah yang digunakan adalah berdasarkan kiraan tahunan dan bukan kiraan bulanan.

Dalam jawapan yang diberikan kepada saya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau telah menyatakan bahawa beliau akan mengarahkan iaitu semua pengiraan kadar faedah yang dibuat oleh bank-bank dan institusi kewangan akan berdasarkan kiraan bulanan (monthly rest) dan bukan kiraan tahunan (yearly rest), dengan izin.

Saya hendak bertanya di sini, apakah perkembangan yang terbaru mengenai perkara ini selepas pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya anggap ini satu pengumuman yang sangat berani oleh beliau kerana rela membuat satu keputusan yang bercanggah atau berbeza dengan

pendapat dan pendirian bank-bank. Adalah dimaklumkan bahawa bank merupakan lobi yang sangat besar di negara kita dan pertukaran pengiraan kadar faedah daripada yearly rest kepada monthly rest boleh mengakibatkan kekurangan keuntungan sekurang-kurangnya beratus juta ringgit setahun.

Memandangkan perkara ini adalah sangat penting kerana ia mempunyai kesan yang sangat besar kepada pengguna, khususnya mereka yang meminjam wang dari bank, saya berharap bahawa perkara ini bolehlah dilaksanakan dengan cepat seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang fasih dengan perkara kewangan. Kadar pengiraan mengikut kadar tahunan ini dan bukan kadar bulanan, merupakan satu cara untuk bank-bank membuat keuntungan secara muslihat atau, dengan izin, hidden profits, sama seperti syarikat-syarikat kewangan dalam kes hire-purchase di mana pengiraan faedah yang dilakukan adalah berdasarkan flate rate.

Ini juga merupakan satu hidden profits, dengan izin, kerana kadar faedah yang sebenarnya adalah lebih tinggi daripada apa yang dicatatkan dalam perjanjian mereka, dengan izin, the effective interest rate is higher than the nominal interest rate that's charged on the agreement. Oleh itu saya harap satu penjelasan boleh dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Demikian juga apakah tindakan yang diambil terhadap cadangan saya bahawa pengiraan penalti interest rate, penalti dendaan faedah tidak dibenarkan dan juga tentang semua kos peguam untuk menguruskan perjanjian membeli rumah dibahagikan di antara para peminjam dan bank dan bukan seperti yang dilakukan sekarang dimana semuanya ditanggung oleh peminjam dan saya rasa amalan seperti ini adalah sangat tidak adil kepada para peminjam?

Akhirnya mengenai perkara ini, apakah kedudukan permintaan bank-bank untuk mengenakan kadar bayaran ke atas perkhidmatan yang kini diberikan secara percuma kepada pengguna, kerana baru-baru ini ABM (Association of Banks in Malaysia) telah mencadangkan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan bank akan dikenakan service charge, dengan izin. Apakah keputusan yang dibuat oleh pihak Bank Negara atau pihak Kementerian mengenai permintaan ABM ini?

Saya hendak merujuk kepada Butiran 010000, Program 010200 Perkhidmatan Kawalan, di mana satu agensi atau satu aturcara atau program telah diatitkan untuk memastikan bahawa wang Kerajaan digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan.

Saya hendak merujuk kepada satu jawapan yang diberikan beberapa hari yang lalu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri mengenai cadangan Kerajaan Negeri untuk memperuntukan wang sebanyak \$2.5 juta untuk membina Muzium UMNO di negeri Melaka. Mengikut jawapan yang diberikan oleh beliau, beliau menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa wang Kerajaan tidak boleh digunakan untuk tujuan politik atau tujuan swasta dan hanya untuk tujuan rakyat sahaja. Ini termasuk juga satu arahan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengarahkan semua agensi Kerajaan supaya wang mereka tidak boleh digunakan untuk tujuan siasah atau tujuan politik, termasuk juga UMNO. Tetapi di sini saya hendak merujuk kepada satu jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka, yang menyatakan ini adalah satu jawapan di Dewan Undangan Negeri Melaka pada 18hb dan 19hb September tahun ini— "Bahawa kos projek Muzium di Negeri Melaka sebanyak \$2.5 juta akan dibiayai keseluruhannya oleh Kerajaan Negeri dan sungguhpun projek ini tidak dibiayai

oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri akan tetap membiayai projek ini".

Ini adalah bercanggah dengan dasar kewangan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat. Di sini saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa wang ini digunakan untuk tujuan yang sebenarnya. Sungguhpun ini adalah wang Kerajaan Negeri tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa wang rakyat, termasuk wang Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat tidak boleh digunakan untuk tujuan politik termasuk UMNO. Di sini jelas nampaknya percanggahan yang berlaku dan saya harap satu penjelasan boleh dibuat untuk memastikan bahawa wang sebanyak \$2.5 digunakan untuk rakyat dan bukan untuk membina muzium UMNO di negeri Melaka.

Mengenai Jawatankuasa Terbitan Modal, saya hendak bertanya mengenai satu kes penipuan di Tampin di mana terdapat perdagangan haram dalam urusan saham (illegal trading). Saya hendak bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk membuat pindaan atau mengadakan peruntukan yang membolehkan pihak Kementerian mengarahkan syarikat-syarikat saham tersebut yang telah dibuktikan menipu wang pembeli-pembeli saham membayar balik pampasan atau ganti rugi kepada mangsa si penipu atau si mangsa tersebut. Kerana setakat ini peruntukan undang-undang yang sedia ada, khususnya Akta Perindustrian Sekuriti, 1991 tidak mempunyai kuasa yang jelas untuk memaksa syarikat-syarikat saham yang menipu dan yang terlibat dalam kes penipuan ke atas pembeli-pembeli saham untuk membayar balik ganti rugi kepada mereka. Dengan itu saya harap satu penjelasan boleh dibuat dan mengenai kes khusus yang saya sebutkan tadi, saya hendak berterima kasih kepada pihak Pendaftar Syarikat kerana telah mengambil tindakan yang tegas kepada dua orang yang terlibat dalam kes

penipuan ini iaitu salah seorang daripada syarikat Tan Chow & Low Securities Sdn. Bhd. di Melaka dan seorang lagi di Chuakoh Securities Sdn. Bhd. juga di Melaka.

Saya hendak bertanya mengapakah tindakan yang sama tidak diambil ke atas syarikat-syarikat yang terlibat kerana mereka adalah wakil syarikat itu dan sebagai wakil, syarikat tersebut bertanggungjawab ke atas kesemua kesilapan dan juga kerugian yang berlaku ke atas mangsa-mangsa (pembeli) saham secara haram di Tampin, khususnya, Encik Lee Siow Keng, iaitu seorang pemegang saham dan seorang Pengarah Syarikat Chuakoh. Memandangkan kedudukannya yang begitu kanan sekali di syarikat Chuako mengapakah tindakan tidak diambil terhadap syarikat-syarikat saham tersebut atau sekurang-kurangnya membuat satu arahan atau menasihatkan syarikat-syarikat saham tersebut menyelesaikan kes ini dengan membayar balik ganti rugi kepada mangsa-mangsa (pembeli) saham secara haram di Tampin.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa satu permohonan telah dibuat oleh mangsa-mangsa (pembeli) saham itu di Tampin kepada BSKL supaya BSKL membayar ganti rugi kepada mereka dengan menggunakan Seksyen 73, Akta Perindustrian Sekuriti yang membolehkan seseorang meminta pampasan daripada fidelity fund, dengan izin, daripada KLSE apabila berlaku sebarang defalcation, dengan izin, oleh syarikat-syarikat tertentu.

Saya diberi tahu bahawa ini adalah kali pertama di mana pembeli-pembeli saham menggunakan peruntukan ini. Mengikut Seksyen 72, "Fidelity fund shall be held and applied for the purpose of compensating persons who suffer pecuniary losses from any defalcation committed by a member company or any of its directors who are liable to contribute to that part".

Jelas sekali bahawa satu kesilapan atau satu defalcation telah dibuat. Kalau tidak, pihak Pendaftar Syarikat tidak akan mendakwa kedua-dua mereka di bawah Seksyen 87(a), Akta Perindustrian Sekuriti, 1991 dan memandangkan keadaan ini, saya berharap bahawa satu keputusan yang cepat boleh diambil oleh pihak KLSE dan juga menerusi jasa baik pihak Kementerian untuk membolehkan mangsa-mangsa tersebut mendapat pampasan sedikit sebanyak daripada fidelity fund yang ditubuhkan oleh KLSE.

Akhirnya, mengenai perkara ini saya berharap bahawa kompaun yang boleh dikenakan oleh pihak Pendaftar Syarikat ke atas seseorang individu yang berdagang secara tidak berlesen dalam saham boleh ditinggikan, kerana mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 15hb November, 1991 bahawa kompaun yang dikenakan oleh pihak Pendaftar Syarikat adalah di antara \$800 hingga \$3,000 sahaja. Memandangkan bahawa jumlah perdagangan yang berlaku dalam pasaran saham melibatkan jumlah beratus-ratus ribu ringgit. Ini adalah kurang menasabah dan ada kadangkala melebihi berjuta-juta ribu ringgit. Kompaun sebanyak \$800 hingga \$3,000 saya rasa adalah terlalu rendah dan adalah, dengan izin, ridiculous amount. Oleh sebab itu, saya harap bahawa kalau kita serius hendak menghapuskan sebarang penyalahgunaan dan penyelewengan dalam sekuriti saham, kompaun yang dikenakan harus dipertingkatkan dan kuasa harus diberikan kepada pihak Pendaftar Syarikat supaya mereka boleh mengambil tindakan yang tegas, yang cermat dan segera untuk menghapuskan sesuatu kesalahan yang berlaku. Seperti yang disyorkan tadi oleh rakan saya dari Bukit Bintang, oleh kerana peruntukan yang sedia tidak berapa mempunyai kuasa yang besar, dengan izin, the ROC has no teeth, banyak syarikat saham tidak berapa takut kepada pihak Pendaftar Syarikat. Oleh sebab itu, untuk membolehkan penguat-

kuasaan yang lebih efektif diadakan, saya mencadangkan bahawa denda atau kompaun ini dinaikkan.

Satu lagi ialah mengenai industri insurans. Di sini saya hendak merujuk kepada laporan tahunan Ketua Pengarah Insurans di mana ada disebutkan bahawa penyusunan semula telah diadakan ke atas industri insurans dan satu jadual telah dipamerkan yang menunjukkan agihan modal dibayar syarikat insurans ditubuhkan di dalam negeri atau dalam Malaysia. Mengikut angka-angka laporan ini, 67.9% dipegang oleh warganegara Malaysia, manakala 32.1% dipegang oleh bukan warganegara Malaysia dalam tahun 1987 dan kaum bumiputera mendapat 31.1%, kaum Cina 16.6%, kaum India 2.4% dan lain-lain 17.8%.

Di sini saya hendak bertanya apakah maknanya 'lain-lain'? Kerana ini adalah satu jumlah yang kedua besar blok saham yang dipegang oleh warganegara Malaysia. Dan sama juga untuk butir-butir yang terakhir pada Jun, 1990 di mana 72.3% modal dibawah syarikat insurans dipegang oleh warganegara Malaysia dan 27.7% dipegang oleh orang asing di mana di dalam kumpulan ini 37.7% daripada saham yang dipegang oleh warganegara Malaysia adalah dipegang oleh kaum bumiputera, 19.4% dipegang oleh kaum Cina, 2.5% oleh kaum India dan 12.7% oleh lain-lain. Di sini saya juga hendak bertanya, apakah takrifan 'lain-lain'? Adakah ini nominee company atau satu blok yang dimiliki oleh kaum yang bukan bumiputera, Cina atau India.

Saya juga berharap bahawa pihak Kementerian boleh mengambil tindakan yang lebih tegas untuk memastikan bahawa loading yang dicadangkan oleh syarikat insurans diadakan di dalam tahap yang menasabah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gelung.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baiklah. Dan di mana mengikut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, satu maksimum atau level of ceiling harus diadakan. Dan saya hendak bertanya sama ada pihak Kementerian akan membenarkan loading sebanyak 120% yang akan dikenakan oleh Third Party Cover, dengan izin, yang dilaporkan oleh akhbar baru-baru ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Akhirnya, mengenai perkara transfer pricing, yang sering ditimbulkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya sama ada akibat atau ekoran transfer pricing ini sama ada pihak Kementerian akan mengambil tindakan untuk memastikan cukai yang tidak boleh dikutip oleh kerana amalan transfer pricing yang dilakukan oleh syarikat-syarikat multinational akan diadakan. Dan saya harap pihak atau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyebut di manakah syarikat multinational ini yang terlibat di dalam kegiatan transfer pricing seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana ini merugikan negara kita dalam segi pungutan cukai yang kita tidak mampu mengutipnya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.15 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk bersama-sama mem-

bahaskan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kewangan dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai peranan yang dimainkan oleh pihak Jawatankuasa Terbitan Saham. Beliau menanyakan sebanyak mana yang telah diputuskan dan berapa banyak lagi yang masih di dalam pertimbangan.

Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menyebut angka yang tepat, sekadarkan saya ingin merujuk kepada peranan CIC daripada dahulu sehingga sekarang, lebih-lebih lagi selepas berpisahannya bursa saham di antara Kuala Lumpur dengan Singapura yang mana pihak CIC telahpun memainkan peranannya dan membuat keputusan yang bijaksana sehinggakan di Pasaran Saham Kuala Lumpur sekarang ini sudahpun ada jumlah syarikat-syarikat yang tersenarai dan bukan sahaja dari segi bilangan yang memadai untuk pilihan pihak pelabur-pelabur dalam dan luar negeri tetapi juga daripada sektor-sektor dan industri-industri yang berbagai-bagai. Sehinggakan pada hari ini tidak kurang daripada 250 syarikat-syarikat yang telahpun tersenarai. Maka tak kurang 50 yang tersenarai itu adalah selepas berpisahannya Bursa Saham Kuala Lumpur daripada Singapura. Dan kalau sekiranya itulah rekod CIC hingga kini, maka banyak lagi syarikat-syarikat dalam pertimbangan berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dimajukan oleh pihak-pihak yang berkenaan, sama ada untuk di papan pertama ataupun di papan kedua. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga ada yang ditolak dan ada yang merayu, maka proses ini berterusan.

Tuan Pengerusi, CIC mempunyai cukup kemampuan dan wibawa untuk meneruskan peranannya dalam bidang ini dan apabila Ahli Yang Berhormat dari merujuk tentang wibawa Pengerusi

CIC, ingin saya maklumkan di sini bahawa walaupun Pengerusi yang dimaksudkan Tan Sri Basir mempunyai kepentingannya dalam bidang perniagaan, tetapi ada peruntukan dari segi prosedur dan syarat-syaratnya yang wajib dipatuhi oleh pihak Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasanya dan dalam hal-hal yang mempunyai perkara yang berkaitan dengan kepentingan mana-mana pihak, mereka di dalam Jawatankuasa itu, maka sewajarnya mereka patuh kepada peraturan-peraturan yang berkenaan.

Dan apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 1992 sekali lagi menekankan proses penubuhan Security Commission, maka sekarang ini telahpun diwujudkan satu jawatankuasa petugas untuk mereka dan membentuk kandungan kepada Security Commission itu dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian Kewangan akan membawa cadangan peruntukan undang-undang pada bulan Julai tahun hadapan untuk menyediakan peruntukan undang-undang itu dan seterusnya untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Sekuriti.

Jadi, berdasarkan kepada kesungguhan pihak Kementerian Kewangan untuk mengwujudkan Security Commission itu, menandakan sesungguhnya bahawa Kerajaan hendak memastikan bahawa dalam bidang industri bukan sahaja ianya mempunyai ciri-ciri efficiency bahkan transparency tetapi juga mempunyai peruntukan undang-undang yang cukup supaya semua pihak yakin terhadap industri sekuriti dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai Unit Pengawasan Agensi Kerajaan. Ingin saya maklumkan di sini bahawa unit ini telahpun berfungsi untuk beberapa lama, ekoran daripada matlamat Kerajaan untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan yang

mempunyai masalah lebih-lebih lagi di mana terlibatnya pelaburan Kerajaan yang begitu besar. Perlu dikaji dengan lebih terperinci supaya dapat diselamatkan pelaburan Kerajaan dan sambil itu pula memastikan bahawa syarikat-syarikat tersebut mempunyai daya maju yang baru dan selepas itu pulih dan membawa keuntungan semula dan memastikan bahawa agensi-agensi tersebut dapat menambahkan lagi kemampuan asas perindustrian ekonomi Malaysia dan daripada sumber keuntungan itu maka dapat memulangkan balik pelaburan- pelaburan Kerajaan hingga kini.

Sebagai contohnya, unit yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas seperti telahpun mengkaji dengan mendalam sehinggakan Syarikat PERWAJA telahpun dapat dikembalikan kepada keadaan yang kukuh dan telahpun dipulihkan sehingga ianya mempunyai kemampuan, mempunyai daya maju dan kita berharap bahawa melalui usaha demikian maka PERWAJA yang ada pada hari ini akan memulangkan keuntungan dan Kerajaan akan dapat kembali pelaburan-pelaburan yang telah disalurkan daripada dahulu sampai sekarang.

Begitu juga dengan kes-kes yang besar seperti Sabah Gas Industry dan Sabah Timber Industry. Ini adalah contoh-contoh di mana unit ini telah mengkaji dengan secara terperinci dan mencadangkan cara-cara menyelamatkan agensi-agensi ini kepada pihak Menteri Kewangan dan dibawa kepada pihak Kerajaan dan Kabinet untuk memutuskan cara menyelamatkan syarikat-syarikat ini.

Di atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya diberi peruntukan yang lebih banyak, kerana tugas yang besar seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih dan saya percaya bahawa unit ini akan

terus mengkaji satu demi satu, kes demi kes supaya agensi-agensi Kerajaan yang bermasalah akan dapat kita selamatkan.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya merujuk kepada Unit Pengurusan Kewangan Kerajaan. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pihak Kementerian Kewangan mempunyai banyak peraturannya melalui Pekeliling-pekelilingnya dan di antara tugas unit ini adalah untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan digunakan dengan sebaik-baiknya dan di antara caranya adalah untuk meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi dan sambil itu pula unit ini juga mengambil berat tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Public Accounts Committee dan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tahap pengurusan kewangan Kerajaan dapat diperbaiki dan segala teguran-teguran daripada sumber-sumber seperti PAC akan dapat diambil kira dan digunakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas merujuk tentang hal-hal kontrak dan bekalan. Saya tidak mampu untuk memberi berapa banyak nilai perbelanjaan Kerajaan disebabkan oleh perbelanjaan secara darurat—emergency purchase, kata Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kerana kesemuanya pembelian secara emergency ini dibuat oleh pihak jabatan-jabatan pelanggan di semua peringkat kalau sekiranya perkara ini wujud.

Jadi, saya perlu merujuk kepada angka daripada pihak jabatan-jabatan pelanggan. Walaupun begitu, saya ingin tegaskan di sini bahawa di antara sebab-sebab mungkin ada di antara jabatan-jabatan pelanggan yang terpaksa membeli secara tergesa-gesa, bukan kerana pihak Kementerian Kewangan lewat untuk memutuskan satu-satu tender.

Tuan Pengerusi, yang dapat saya kesan di antaranya adalah kerana pihak pembekal yang telahpun dinamakan oleh pihak Kementerian Kewangan ada kalanya tidak mampu untuk membuat bekalan-bekalan, kerana masalah mereka sendiri ataupun membekalkan dengan cara lewat. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan dapat mengesan mereka ini dan ada di antaranya dijadikan asas untuk menilai semula pembekal-pembekal ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai bagaimana proses tender dapat dibuat sebegitu rupa supaya kepentingan bumiputera dapat dipelihara dan di pertingkatkan. Ingin saya maklumkan di sini bahawa cara-cara yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk tujuan ini di antaranya ialah mempunyai pendirian dalam hal-hal, dalam bidang-bidang tertentu maka Kementerian Kewangan menggunakan cara tender terbuka berdasarkan kepada kemampuan pihak-pihak yang mampu untuk bersaing sebegitu rupa supaya Kerajaan mendapat tawaran yang paling rendah dengan tujuan untuk menyelamatkan kewangan negara

Dan biasanya kita dapati bahawa persaingan melalui tender terbuka ini memastikan bahawa kita mempunyai tawaran yang paling terbaik dari segi harganya dan juga dari segi kemampuan teknikalnya untuk mereka melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Walaupun begitu, pihak Kerajaan mengambil langkah untuk memberi peluang kepada masyarakat usahawan bumiputera dalam bidang-bidang tertentu, dalam kerja-kerja tertentu, maka dengan kerjasama di antara pihak Kementerian Kewangan dan Jabatan yang berkenaan supaya disediakan satu tender terhad semata-mata untuk bumiputera supaya dapat bersaing dan bertanding antara satu dengan yang lain. Maka mereka yang dinamakan oleh

jabatan-jabatan yang berkenaan kemudian itu dikajisemula oleh pihak Kementerian Kewangan, maka mereka bersaing antara satu sama lain, walaupun mereka bersaing di antara bumiputera dengan bumiputera.

Selain daripada itu, pihak Kerajaan atau Kementerian Kewangan telahpun memilih bidang-bidang tertentu. Misalnya dalam bidang membekalkan perabot-perabot untuk jabatan-jabatan Kerajaan menggunakan "Sistem Payung". Melalui sistem ini, maka satu syarikat yang besar dinamakan menjadi satu badan yang menerima tender daripada pihak Kementerian Kewangan, dan selepas itu syarikat yang besar itu, dalam hal ini ialah Guthrie Furniture Sdn. Bhd. membangunkan pembuatan-perabot bumiputera. Dan hingga kini Kementerian Kewangan telahpun menyalurkan tidak kurang \$70 juta pada tahun lalu, dan melalui cara demikian maka tidak kurang 70 pengusaha-pengusaha perabot di seluruh Malaysia di kalangan bumiputera yang telahpun dapat sama-sama membangun melalui kemudahan sistem tender, melalui "Sistem Payung" ini. Jadi, ini merupakan satu contoh yang paling baik, di mana hubungkait di antara yang mampu dan yang upaya untuk memberi naungan supaya yang kecil dan sederhana dapat sama-sama membangun melalui pendekatan "Payung" ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut tentang cara konsortium. Dalam kerja-kerja tertentu dengan tujuan untuk memberi peluang kepada kontraktor bumiputera, maka Kementerian Kewangan dalam kes-kes yang tertentu memberi peluang kepada pihak syarikat-syarikat konsortium yang diwujudkan oleh persatuan-persatuan kontraktor bumiputera di peringkat negeri-negeri dan juga di peringkat kebangsaan untuk mendapat kerja-kerja secara langsung untuk dirundingkan. Jadi, apabila Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyebut tentang peranan Kementerian Kewangan untuk memberi

peluang kepada masyarakat bumiputera, ingin saya memaklumkan di sini bahawa ini adalah di antara cara-caranya yang telah digunakan. Dan apabila Ahli Yang Berhormat dari Arau membangkitkan tentang pendekatan konsortium, ingin saya tegaskan di sini bahawa, Tuan Pengerusi, apabila kerja-kerja itu telah diserahkan kepada syarikat konsortium, persatuan kontraktor bumiputera, maka tidak dikenakan syarat untuk syarikat tersebut menyerahkan kepada peringkat subkontraktor-subkontraktor. Yang saya maklum Tuan Pengerusi bahawa memilih subkontraktor-subkontraktor itu terserah bulat-bulat kepada budi-bicara syarikat konsortium itu. Dan kalau sekiranya pihak syarikat konsortium itu membuat satu proses supaya subkontraktor itu bersaing pula di antara kontraktor-kontraktor bumiputera, mungkin itu adalah pendekatan untuk mereka gunakan. Dan saya lebih cenderung jika sekiranya cara demikian adalah tidak wajar, lebih baik jika sekiranya pihak konsortium itu memilih perunding-perunding yang mempunyai wibawa untuk menasihatkan syarikat konsortium itu supaya kerja-kerja yang diserahkan kepada mereka akhirnya dapat dilaksanakan, dan sambil itu pula dapat dinikmati oleh bukan sahaja syarikat konsortium itu, tetapi juga syarikat-syarikat kecil di peringkat kerja-kerja subkontraktor.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan tentang masalah membekalkan alat-alat ganti yang pada mulanya melalui syarikat-syarikat bumiputera yang mempunyai hubungannya dengan pembekalan asalnya iaitu yang prinsipal dan selepas mereka mengenali pasaran kita, mereka membuat subsidiary sendiri dan selepas itu melupakan kepentingan bumiputera. Ingin saya maklumkan di sini Tuan Pengerusi, bahawa hal ini bukan sahaja dalam pengamatan Kementerian Kewangan, kita hendak pastikan bahawa dalam usaha membangun ekonomi Malaysia lebih daripada apa yang ada pada hari ini,

maka di peringkat sederhana dan kecil ini kita hendak pastikan kepentingan asing tidak memboloti kesemuanya. Dan jika sekiranya ada pihak prinsipal sanggup turun ke peringkat agensi, maka ini adalah satu perkara yang tidak sihat, dan kita mengambil berat tentang perkara ini. Dan kita hendak pastikan bahawa sampaikan ke peringkat agensi pun orang asing hendak ambil peranan, ini adalah suatu yang perlu kita amati dan kita pastikan ianya tidak berleluasa. Kita hendak pastikan bahawa prinsipal bukan sahaja mempunyai hubungan perniagaan di Malaysia melalui agensi tempatan, tetapi akhirnya daripada sumber prinsipal itu juga kita dapat membangun kemampuan membuat barang tersebut di Malaysia.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyebut tentang perlunya keputusan tender dibuat di peringkat jabatan-jabatan Kerajaan. Amalan hingga kini, Tuan Pengerusi, ialah tender-tender yang tidak melebihi \$10 juta telahpun diserahkan kepada jabatan-jabatan yang mempunyai lembaga-lembaganya tersendiri. Walaupun ada pihak Kementerian dan jabatan-jabatan yang tidak ada wujud lembaga sendiri, maka ianya disalurkan juga kepada Kementerian Kewangan. Tetapi di Kementerian-kementerian di mana ada wujud lembaga-lembaganya maka tender-tender yang tidak lebih daripada \$10 juta itu diputuskan di peringkat lembaga, Kementerian-kementerian yang berkenaan. Tetapi jika sekiranya wujud perbalahan dalam lembaga itu sendiri, maka ia diwajibkan disampaikan kepada Lembaga Kementerian Kewangan untuk diputuskan oleh pihak Kementerian Kewangan. Dan jika sekiranya nilai bekalan tidak lebih daripada \$5 juta, itulah caranya maka diputuskan di peringkat lembaga Kementerian yang berkenaan dan jika sekiranya keputusan sebulat suara, maka tidak perlu disalurkan kepada Kemen-

terian Kewangan, hanya apabila berbalah di dalam Lembaga itu, barulah disampaikan kepada Lembaga di pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyebut tentang usaha-usaha Jabatan Hasil Dalam Negeri. Memang betul bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri kebelakangan ini dengan cara senyap dengan profile yang agak rendah telah dapat meningkatkan kutipan hasil. Pada tahun 1989 misalnya daripada \$7.7 bilion telah meningkat kepada \$10.8 bilion dan kita mengagak pada tahun 1991 ini kutipan adalah pada jumlah \$12 bilion.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh tentang perkara yang sama-sama dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai peranan pihak yang tertentu yang menggunakan amalan-amalan yang negatif dalam bentuk tranfer pricing, mengalihkan cara mengenakan harga. Masalah ini, Tuan Pengerusi, berlaku dengan cara pihak syarikat yang mempunyai anak-anak syarikat di merata dunia. Misalnya anak syarikat di Malaysia membeli komponen daripada syarikat saudaranya daripada negara lain pada harga yang agak tinggi, selepas itu menjual keluar barang tersebut selepas dipasang kepada syarikat saudaranya yang lain dengan harga yang rendah. Dengan cara demikian, maka perbezaan antara kos dengan harga jualan adalah begitu tipis sekali sehingga keuntungan yang didapatkan oleh anak syarikat tempatan di Malaysia ini agak sedikit, maka keuntungan menjadi asas yang tipis untuk dikenakan cukai terhadapnya. Jadi, inilah cara yang dibuat oleh syarikat-syarikat di peringkat antarabangsa supaya mengelak daripada pembayaran cukai yang tinggi di satu-satu tempat. Ini merupakan amalan yang bukan sahaja ada kesannya terhadap Malaysia, tetapi ianya merupakan amalan di peringkat antarabangsa.

Bukannya kebelakangan ini, bahkan merupakan amalan sejak daripada dahulu lagi.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini bukanlah satu cara yang paling mudah untuk kita mengesan malan-amalan yang negatif seperti begini.

Oleh yang demikian, kita menjangka bahawa masyarakat multinational, syarikat-syarikat besar di peringkat antarabangsa ini merupakan syarikat-syarikat yang mempunyai tanggungjawab bukan sahaja untuk mencari keuntungan mereka, keuntungan syarikat masing-masing ataupun conglomerates masing-masing, tetapi mereka sewajarnya mempunyai kesedaran bahawa mereka berada di negara-negara di merata dunia ini dengan kos infrastruktur yang terpaksa dibangunkan bersama. Dengan cara demikian, mereka mendapat manfaat daripadanya dan kita menjangka bahawa mereka ini sedar bahawa dunia makin lama bukan makin besar dan terasing bahkan dunia makin lama makin kecil, dan kita mempunyai perhubungan rapat di antara satu dengan lain.

Jika sekiranya karenah itu amalan-amalan negatif itu dapat dilihat di Malaysia, maka syarikat multinational itu akan dipandang oleh dunia sebagai satu syarikat yang tidak boleh menyakinkan dunia dan menyakinkan negara-negara lain. Oleh yang demikian, dalam jangka masa yang panjang, pendirian kita ialah bahawa multinational yang ada di merata dunia ini merupakan corporate citizen. Corporate citizen yang mempunyai tanggungjawab bukan sahaja kepada syarikat masing-masing tetapi mempunyai tanggungjawab kepada dunia dan kepada negara-negara mereka bermastaudin. Dan kalau itulah didakwa oleh mereka, maka sewajarnya amalan-amalan negatif seperti begini lama-kelamaan akan dapat kita kurangkan.

Jadi, peranan ini Tuan Pengerusi, bukan sahaja dapat kita kesan dan kita

banteras di peringkat negara Malaysia ini, ianya perlu dikesan oleh sesama kita perlu dibanteras dengan secara keseluruhan di peringkat dunia melalui proses akhirnya bahawa sumber-sumber modal badan-badan korporat yang besar-besar di peringkat dunia ini merupakan adalah "corporate citizen yang responsible" kepada dunia dan juga kepada negara mereka bermastautin.

**Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, persoalan itu saya minta penjelasanlah. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita dapat mempengaruhi pihak multinational ataupun transnational yang bermastautin di merata dunia di mana ada kebanyakan negara yang sangat berharap mereka membuat pelaburan? Kalau dengan yang demikian, bagaimana negara seperti Malaysia yang begitu kecil dapat mempengaruhi hal seperti ini supaya mereka memberi kerjasama, supaya mereka itu memindahkan teknologi, supaya mereka buat lebih banyak perhubungan lingkages dengan syarikat-syarikat tempatan? Jadi, saya memang boleh terima kalau kenyataan Yang Berhormat tadi yang mengatakan kerana ia corporate citizen, maka apa yang tidak betul, yang silap dibuat di negara ini akan diambilkira oleh negara-negara lain. Saya tidak nampaklah mengapa negara-negara yang lain akan mengambilkira apakah kesilapan dan tindakan yang tidak betul yang berlaku di Malaysia kerana mereka yang menarik perhatian dan menarik pelaburan daripada multinational ini. Saya hendak tahu sahajalah bagaimana kita dapat mempengaruhi hal ini kerana ini adalah penting. Kalau kita dapat perhubungan itu yang lebih baik, lingkages yang lebih banyak dengan transnational maka mungkin kita dapat pemindahan teknologi.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, saya sebut dalam hal ini lebih-lebih awal lagi saya kata dunia makin lama makin kecil. Maknanya di sini kalau sesuatu multinational itu perangnya tidak disenangi oleh sesebuah negara maka akhirnya tidak ada negara lain yang rela menerima mereka. Jadi, Tuan Pengerusi, saya menggunakan hujah ini bukanlah berdasarkan kepada pengamatan yang agak terhad kepada diri saya sendiri. Tetapi berdasarkan kepada banyak analisa yang dibuat oleh cerdik-pandai di peringkat dunia tentang gelagat-gelagat yang di kalangan syarikat-syarikat multinational ini.

**Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya barapakah jumlah cukai yang dianggarkan negara kita hilang kerana amalan negatif seperti ini, dan adakah pihak Kementerian membuat satu garis panduan atau satu kaedah, walaupun tidak untuk mencegah amalan negatif ini, tetapi sekurang-kurangnya untuk mengurangkan amalan negatif seperti ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, dua minggu yang lalu kebetulan ada satu seminar berlangsung satu minggu suntuk di antara pentadbir-pentadbir cukai dengan rantau Asia dan Pasifik, termasuk pentadbir-pentadbir cukai daripada Australia, New Zealand, Jepun, Korea dan juga Singapura dan di rantau ASEAN ini. Maka di antara perkara yang berbangkit daripada perjumpaan tersebut ialah bukanlah satu perkara yang mudah. Pentadbir-pentadbir cukai daripada Jepun, misalnya, sendiri mengaku bukanlah mudah untuk mereka membantu kita, bukan kerana

muslihat mereka tetapi kerana cara-cara yang begitu sulit yang digunakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak mampu untuk menyebut anggaran tentang kerugian pungutan-pungutan yang tidak dapat kita pungut daripada amalan-amalan negatif seperti begini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kelang mengenai wangnya yang tidak dituntut. Ingin saya jelaskan di sini bahawa mengenai wang yang tidak tuntutan di peringkat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) ingin saya maklumkan di sini bahawa selepas seseorang itu berhak memungut EPFnya tetapi gagal membuat demikian maka wang yang tidak dituntut itu digunakan untuk dilaburkan, sambil itu pula usaha untuk mengesan mereka diteruskan. Dan apabila dapat dikesan mereka ini, maka bukan sahaja jumlah yang diperuntukkan untuk mereka itu dipulangkan bahkan faedah daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pihak EPF itu dikembalikan kepada mereka yang berhak menuntut mendapat semula wang-wang tersebut. Itu adalah juga amalan-amalan yang digunakan oleh pihak Kerajaan dalam hal-hal wang yang tidak dituntut.

Jadi, Tuan Pengerusi, mengenai Langkawi, saya ingin menjawab serentak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri. Saya pernah menyebut dalam Dewan ini bahawa Langkawi sebagai satu anugerah Allah Subhanahu Wa Taala kepada kita untuk dinikmati oleh kita secara yang paling baik. Dan kalau tidak sekarang, di masa depan akan juga menjadi satu nikmat Tuhan yang akan dapat dirasakan oleh masyarakat dunia. Oleh yang demikian, saya ingin memaklumkan di sini bahawa tidak kira sama ada masyarakat tempatan di Langkawi bahkan masyarakat dunia yang lain sama-sama dapat menikmati alam semula jadi yang begitu indah. Yang menjadi persoalan di sini ialah

menikmati kelebihan yang sedia ada bukan sahaja mengikut musimnya tetapi kerana kelebihan-kelebihan yang ada pada Langkawi itu sendiri. Jadi, di antara langkah-langkah yang dibuat ialah kemudahan-kemudahan infrastruktur yang terus dibangunkan sama ada dalam Rancangan Malaysia Kelima, lebih-lebih lagi dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Selain daripada itu dianjurkan pesta-pesta tertentu mengikut musimnya. Maka di antaranya ialah apa yang telah kita cuba iaitu satu pameran udara dan juga maritim yang dipanggil Pesta LIMA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan melalui Kementerian Pertahanan akan membuat satu laporan penuh tentang kejayaan ataupun kelemahan-kelemahan daripada pesta ini. Jadi, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Klang lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengkhawatiri tentang kesan-kesan terhadap masyarakat tempatan, maka perlu kita menegaskan di sini bahawa dalam proses membangunkan Langkawi itu ada kos dan faedah yang terpaksa dirasakan, ditanggung dan dinikmati oleh masyarakat tempatan. Dalam arus membangunkan Langkawi itu, di antara perkara yang perlu diambil berat ialah supaya masyarakat tempatan bukan sahaja merasai bahkan agaknya terjejas hingga sampai ke pinggiran. Jadi, melalui Lembaga Langkawi yang dipengerusikan sendiri oleh bekas Menteri Kewangan di antara tugasannya ialah untuk memastikan bahawa masyarakat tempatan dapat bersama-sama dalam arus pesat membangunkan Pulau Langkawi itu.

Tuan Pengerusi, mengenai bayaran waran yang lewat, ingin saya menegaskan di sini bahawa sebenarnya pihak Kementerian Kewangan telahpun membuat langkah-langkah untuk memastikan bahawa pembayaran dibayar tidak lewat daripada 10 hari. Jika sekiranya ada kes-

kes yang agak terlewat, ianya berdasarkan kepada agaknya pihak-pihak tertentu tidak menepati dengan peruntukan-peruntukan Kementerian Kewangan dan juga berdasarkan kepada pekeliling-pekeliling dan keperluan-keperluan dokumentasi yang sepatutnya ditepati. Tetapi ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa had 10 hari adalah matlamat pihak Kementerian Kewangan dalam proses pembayaran. Seterusnya. . . .

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar bangun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri kerana di Sarawak perkara kelambatan membayar ini pernah juga berlaku bahkan ada tuduhan sebilangan pihak mengatakan ramai peniaga-peniaga kecil menjadi bankrap oleh kerana kelambatan pembayaran sampai memakan masa empat atau lima bulan. Memandangkan apa yang dicakapkan oleh Timbalan Menteri tadi mengatakan tidak lewat daripada 10 hari, jika ada kelambatan berlaku kepada siapakah perkara ini boleh dirujuk?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, saya menjemput Yang Berhormat dari Batang Lupar supaya mengesan kes-kes tertentu untuk dilaporkan kepada Kementerian Kewangan untuk kita gunakan kes-kes itu supaya dapat kita baiki kelemahan supaya betul-betul menepati matlamat 10 hari.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada hal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Klang dan Kota Melaka mengenai industri insurans. Yang pertamanya ingin saya menegaskan bahawa tidak ada hak untuk syarikat-syarikat insurans mengenakan syarat

supaya insurans motor hanya boleh diberi dengan syarat membeli insurans-insurans yang lain. Ini adalah satu amalan yang tidak sihat.

Sekarang ini pihak Ketua Pengarah Insurans telahpun mengesan beberapa syarikat-syarikat tertentu dan telahpun mengeluarkan arahan kepada mereka supaya memberhentikan amalan tersebut. Masyarakat umum perlu maklum bahawa jika sekiranya ada syarikat-syarikat yang terus membuat tindakan ini, mereka hendaklah melaporkannya kepada pihak Ketua Pengarah Insurans iaitu Gabenor Bank Negara sendiri untuk kita mengambil tindakan. Tindakan-tindakannya adalah berbagai dan peruntukan undang-undang dan aktanya memadai.

Ingin saya memberi amaran kepada syarikat-syarikat insurans bahawa pada masa-masa yang akan datang jika mereka hendak berunding dengan pihak Ketua Pengarah Insurans, kalau sekiranya latarbelakang mereka seperti begini maka tindakan-tindakan disiplin akan diambil dan saya memberi contoh di sini dalam hal Syarikat Insurans Mercantile bahawa Ketua Pengarah Insurans akhirnya mengambilalih pengurusan syarikat tersebut kerana bertujuan untuk membetulkan amalan dan pengurusan mereka.

Mengenai insurans motor, pada prinsipnya Kerajaan hendak memastikan bahawa kadar loading, dengan izin, hendaklah sejajar dengan risiko yang ditanggung oleh syarikat insurans. Maka prinsip inilah yang menjadi pegangan. Tidak sepatutnya kadar loading melebihi daripada tahap risiko dan risiko ini dapat ditafsirkan berdasarkan kepada kes-kes tertentu sama ada latarbelakang pemohon itu, keadaan motokarnya, umur, jenis motokar dan sebagainya.

Jadi, memang betul pihak Kerajaan telah mengajak syarikat-syarikat insurans yang mempunyai portfolio motor yang agak kurang supaya menambah lebih kurang 25% daripada portfolio

mereka, daripada insurans yang lain kepada insurans motor. Tetapi apabila kita menyeru syarikat-syarikat tersebut supaya menambah portfolio insurans motor mereka, mereka juga merasakan bahawa tuntutan-tuntutan dan risikonya semakin bertambah. Oleh yang demikian, ingin saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Ketua Pengarah Insurans sekarang ini sedangpun duduk bersama-sama dengan pihak syarikat-syarikat insuran untuk mengkaji khususnya sektor insurans motor itu sendiri supaya dapat memperbaiki suasana yang ada di dalam sektor tersebut supaya kita dapat memastikan tidak ada kos-kos tambahan yang tidak patut dikenakan kepada pihak pemegang insurans sama ada di peringkat bengkel-bengkel yang membaiki motokar-motokar kerana tuntutan-tuntutan dan pungutan-pungutan yang dibuat oleh ejen-ejen ataupun komisyen-komisyen yang dipungut oleh ejen-ejen.

Jadi, dalam hal ini pihak Kerajaan melalui Director General of Insurance (DGI) sedangpun mengkaji secara terperinci supaya akhirnya ada rationality di dalam sektor insuran motor itu sendiri supaya masyarakat yang menggunakan kenderaan dapat terpelihara dari segi risiko yang ditanggung oleh mereka, sambil itu pula syarikat-syarikat insurans tidak menanggung beban yang lebih berdasarkan kepada mereka sendiri sama-sama menanggung risiko berdasarkan kepada tuntutan-tuntutan pihak pemegang insurans.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Klang membangkitkan tentang soal pengecualian cukai terhadap parti cawangan UMNO. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa dalam soal pengecualian cukai ini sudahpun ada precedent, prinsip, peraturan dan perundangan undang-undang. Saya amat yakin sekali dalam hal ini bahawa pihak Kementerian Kewangan membuat tindakan berdasarkan kepada apa yang diperuntuk-

kan oleh akta-akta berdasarkan kepada precedents yang sewajarnya. Saya percaya dalam hal-hal ini pihak Kementerian Kewangan patuh kepada precedents yang boleh dianggap wajar dan munasabah. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ataupun Klang membangkitkan kes yang tertentu, saya sendiri rela untuk merujuk kes-kes itu supaya memastikan bahawa kita faham rationalitinya mengapa kalau sekiranya betul pengecualian itu diberikan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah membangkitkan tentang kes memberi kerja-kerja secara langsung kepada pihak konsortium.

Apabila saya menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telahpun dapat saya jawab secara serentak bagaimana kontraktor bumiputera mendapat kerja-kerja daripada pihak Kementerian Kewangan sama ada melalui tender terhad, melalui sistem payung ataupun melalui secara syarikat konsortium yang diberi peluang untuk dirunding dengan Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga membangkitkan tentang peranan Tabung Pemulihan Usahawan.

Tuan Pengerusi, saya ingin jelaskan di sini bahawa kerja-kerja pihak Penal Khas TPU ini telahpun sebahagian besarnya selesai dibuat, benar bahawa Juru Perunding dilantik untuk memberi nasihat kepada Penal Khas membuat keputusannya.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa dalam kes-kes tertentu bahawa Juru Perunding-Juru Perunding ini memainkan peranan sekadar menasihatkan Penal Khas, maka pendekatan hand-off agak tidak mencukupi untuk terus memulihkan usahawan yang ter-bengkalai ini. Oleh yang demikian perlu diambil pendekatan hands on, Tuan Pengerusi, maka pihak Kementerian

Kewangan telahpun membuat keputusan supaya dapat dilantik perunding-perunding di peringkat sederhana di kalangan masyarakat perunding bumi-putera supaya memainkan peranan.

Berdasarkan kepada keputusan Penal Khas ini memainkan peranan untuk menasihatkan secara hubungan yang rapi lagi rapat dengan usahawan-usahawan bumiputera ini. Jika sekiranya keputusan Penal Khas itu hendak terus dilaksanakan kes demi kes, dan jika sekiranya ada halangan-halangan hinggakan tidak dapat dilaksanakan, maka kita memerlukan kepada perunding-perunding dan Kementerian Kewangan sanggup melantik perunding-perunding yang lain memainkan peranan dan menggunakan pendekatan hands on, supaya dapat terus bekerjasama dengan usahawan-usahawan yang hendak kita pulihkan ini, supaya akhirnya terlepas dari halangan-halangan, batasan-batasan melaksanakan keputusan Penal-penal Khas ini. Dan kos pembiayaan perunding-perunding ini sanggup ditanggung oleh pihak Tabung Pemulihan Usahawan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengenai mengapa Cukai Judi tidak dinaikkan, walhal Cukai Arak dinaikkan dengan begitu ketara sekali.

Tuan Pengerusi, dalam hal judi ini kita hidup dalam satu masyarakat yang mempunyai kecenderongan yang berbagai-bagai. Oleh sebab yang demikian, pihak Kerajaan rela mengizinkan kecenderongan-kecenderongan itu disuburkan dengan mengizinkan berjudi.

Tuan Pengerusi, ingin saya tegaskan di sini dalam hal judi ini ada judi yang dibuat secara terbuka, ada judi yang dibuat secara haram. Dalam sektor di mana judi haram berlaku bukan sahaja judi itu menjadi kegiatan mereka, tetapi ada lagi banyak amalan-amalan yang

merupakan jenayah yang keji juga berlaku di samping judi haram itu.

Tuan Pengerusi, apabila Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengatakan bahawa kita tidak mengharamkan judi, kita tidak mengenakan cukai yang cukup tinggi terhadap judi, adalah semata-mata untuk kita memastikan bahawa amalan-amalan dan jenayah-jenayah yang melampaui judi dan yang melebihi daripada judi bersumberkan daripada kegiatan judi itu dapat kita kurangkan. Jadi dalam menentukan tahap Cukai Judi ini kita perlu mengambilkira tentang kesan-kesan lempahan yang negatif seperti begini terlebih dahulu. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya bersama-sama dengan pihak SERU sekarang ini sedang mengkaji tabiat-tabiat, sebab-sebab musababnya kesan-kesan dan implikasinya amalan judi dalam masyarakat.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kewangan menyedari bahawa langkah-langkah yang diambil hingga kini dengan tidak mengeluarkan lesen-lesen yang baru, langkah-langkah di mana pihak Kementerian Kewangan akur dengan keputusan pihak Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan permit untuk premis-premis judi. Maka dengan cara demikian kita dapat kurangkan ruang-ruang dan tempat-tempat berjudi di tempat-tempat dan negeri-negeri yang tertentu. Walaupun begitu, langkah ini masih tidak mencukupi, oleh yang demikian kita perlu merujuk kepada amalan masyarakat itu sendiri secara lebih luas lagi, maka perlu kepada satu kajian ilmiah dan yang pragmatik supaya kita dapat mengenalpasti dalam masyarakat keluarga-keluarga dan mereka yang cenderung kepada judi ini. Jadi. . .

**Tuan Wee Choo Keong:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak Cukai Judi telah dikurangkan pada tahun yang lepas dan hingga sekarang Cukai Judi ini tidak dinaikkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kenapa Cukai Judi dikurangkan?

Kedua, bagaimana lesen-lesen judi ini diberi kepada orang tertentu seperti Vincent Tan dan Ananda Krishnan sahaja dan bukannya lesen judi sahaja diberi kepada kedua-dua orang ini, tetapi lesen yang lain seperti lesen broker, tanah-tanah di negara kita juga diberi kepada Vincent Tan, bukannya di Kuala Lumpur sahaja tetapi juga di Langkawi, juga diberi kepada Tan Sri Bashir, Ananda Krishnan, kenapa? Itu yang kita hendak tahu kenapa lesen-lesen judi ini diberi kepada orang yang tertentu sahaja yang saya hendak sebutkan tadi, dan kenapa cukai dikurangkan. Itu yang kita hendak tahu. Terima kasih.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, saya kata bukan dasar, tetapi tanggapan kita berasas kepada yang digunakan oleh pihak Kementerian Kewangan, dalam soal kadar cukai judi ini ialah ada hubungan inverse relationship, dengan izin, Tuan Pengerusi, antara tahap cukai judi dengan amalan maksiat judi haram. Jadi kalau sekiranya itu merupakan hubungan di antara kadar dan amalan maksiat judi haram ini maka kita tidak boleh menggunakan kadar cukai judi sebagai cara untuk kita membanteras judi.

Membanteras judi ini perlu merujuk kepada masyarakat itu pada umumnya dan komponen-komponen dalam masyarakat yang cenderung kepada amalan judi. Jadi kita perlu menggunakan asas yang lebih luas lagi untuk memahami tabiat berjudi dalam masyarakat kita ini, Tuan Pengerusi.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Mengenai T.A. Securities—Remizer yang tidak ada lesen, saya telahpun menjawab dalam Dewan ini langkah yang dibuat oleh Pendaftar Syarikat telahpun mengenakan tidak kurang 50 kes-kes untuk didenda bahkan ada yang telah dibawa ke mahkamah apabila mereka tidak mempunyai lesen untuk berniaga dalam bidang security dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kes di mana Remizer berniaga dengan tidak ada lesen, harap dapat disampaikan kepada pihak Pendaftar Syarikat. . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Bukit Bintang bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Saya hendak menjawab kes Remizer ini serentak dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun hendak beri jalan? Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** ...yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa kompaun itu agak terlalu rendah. Memang betul kalau dilihat jumlah wang yang terlibat dengan kompaun yang dikenakan, memanglah agak rendah dan pandangan ini akan kita kaji supaya bukan sahaja mereka yang berniaga tidak berlesen itu dapat dihukum dengan sewajarnya tetapi mereka yang mengendalikannya syarikat-syarikat di mana mereka bekerja juga dapat dibawa ke

tengah supaya mereka sama-sama menanggung amalan-amalan yang tidak sihat seperti begini.

Kemudiannya saya merujuk kepada membawa komponen TV dengan tujuan untuk mengelak cukai tetapi daripada data yang ada bahawa pungutan cukai daripada komponen-komponen seperti begini agak meningkat kebelakangan ini tetapi jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada bukti-bukti di mana amalan ini berleluasa, pihak Kementerian Kewangan berterima kasih sekiranya dapat kita gunakan sumber Ahli Yang Berhormat untuk di kesan amalan-amalan ini.

Mengenai bank-bank yang tidak memberi pinjaman untuk tujuan membeli rumah kos rendah, pihak Bank Negara sudahpun membuat pendirian bahawa ini tidak sepatutnya berlaku dan jika sekiranya ada pihak bank yang berbuat demikian, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang melaporkan kepada kami dengan Kementerian Kewangan ataupun kepada Gabenor Bank Negara supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai kadar faedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar faedah untuk pinjaman rumah biasanya kadar faedah itu dikira berdasarkan kepada tahunan dan jika sekiranya pinjaman itu untuk tujuan perniagaan, maka kadar faedah dikira berdasarkan kepada bulanan dan jika sekiranya pinjaman itu berdasarkan kepada pinjaman over-draft, maka kadar faedah dikira berdasarkan kepada harian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya mana satukah yang hendak diikuti. Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat Kota Melaka telahpun membangkitkan perkara ini dan saya telah memberi jaminan bahawa ianya akan dikaji semula. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini

pada hari ini, bahawa langkah-langkah sedang dibuat oleh Bank Negara untuk menjadikan bahawa kiraan kadar faedah adalah berdasarkan kepada bulanan dan dalam pinjaman-pinjaman yang berkaitan dengan perniagaan, maka biasanya adalah berdasarkan kepada rundingan di antara peminjam dengan bank dan amalan hingga kini sudahpun diubah kepada bulanan.

Oleh yang demikian, saya ingin umumkan kepada masyarakat bahawa mereka yang meminjam sepatutnya maklum tentang perkara ini supaya dalam rundingan mereka membuat pinjaman, mereka tidak tertakluk kepada syarat-syarat yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kesan kadar faedah efektif berbeza daripada yang nominal. Jadi, ini adalah pendirian daripada pihak Kerajaan khususnya Bank Negara dalam soal sama ada ianya yearly rest ataupun monthly rest ataupun daily rest, dengan izin.

Mengenai tentang penalti dendaan supaya tidak dikenakan ataupun kos guaman dapat dikongsi bersama, saya tidak dapat membuat jawapan pada hari ini. Ini perlu kepada penelitian oleh semua pihak dan mengenai service charge yang sebelum ini tidak dikenakan dan dicadangkan oleh pihak bank-bank untuk dikenakan kepada pengguna, ingin saya memaklumkan pada hari ini bahawa pihak Persatuan Bank telahpun menyerahkan semula cadangan mereka kepada Bank Negara.

Tuan Pengerusi, pada hari ini Bank Negara menelitinya secara terperinci sebegitu rupa supaya kepentingan umum yang menggunakan bank-bank terpelihara lebih-lebih lagi mereka merupakan pengguna-pengguna bank secara kecil-kecilan.

Tuan Pengerusi, mengenai Muzium UMNO Melaka, ingin saya memaklumkan di sini bahawa pendirian Kerajaan Pusat adalah seperti yang telah ditegaskan di dalam Dewan yang mulia ini dan Muzium tersebut wajar juga

dilihat dari segi Muzium Sejarah. Tidak kira daripada sumber mana sejarah itu maka pendirian Kementerian Kewangan dalam soal mengawal dan mengurus kewangan negara ini masih lagi sesungguhnya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan seperti yang ditegaskan di Dewan yang mulia ini. . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya apakah tindakan yang boleh diambil kalau Kerajaan Negeri Melaka khususnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka terus berdegil menggunakan wang Kerajaan Negeri untuk membina Muzium UMNO, bukan Muzium Negeri, sungguhpun peruntukan untuk membina Muzium UMNO ini tidak dibenarkan oleh Kerajaan Pusat. Kalau beliau atau Kerajaan Negeri terus ingin berbuat demikian, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menasihatkan kalau satu laporan atau satu tindakan hendak diambil, bagaimanakah ia boleh dimulakan?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, dalam hal ini, elok kita serahkan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk menelitinya dengan lebih mendalam lagi tentang perkara ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon maaf kerana mengambil masa agak terlalu panjang untuk menjawab segala pertanyaan yang telah dibangkitkan di atas. . .

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tasik Chenderoh bangun.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya satu soalan sahaja. Kalau umpamanya P. Ramlee seorang individu telah menyumbangkan banyak jasa kepada bangsa dan negara, layak kita mengadakan sebuah Muzium untuk P. Ramlee, namanya Peringatan P. Ramlee, tidakkah layak UMNO yang begitu banyak jasanya memperjuangkan kemerdekaan, membangunkan negara ini untuk Kerajaan menyumbangkan sebuah muzium bagi mengenangkan jasa UMNO? (*Tepuk*)

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, dalam jawapan saya tadi, saya pun sudah bangkitkan bahawa dalam hal-hal seperti begini kita perlu melihatnya daripada kacamata sejarah itu sendiri. Maka saya percaya, semua pihak tidak kira di Dewan ini ataupun di luar Dewan menghayati kandungan sejarah dan kalau dilihat sumber-sumber sejarah untuk sumbangan kepada kesejahteraan negara dan masyarakat, maka datangnya daripada berbagai-bagai sumber termasuk apa yang telah dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Jawapan sudah habis?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan tentang hal Kementerian Kewangan dan itulah sahaja sebagai jawapan-jawapannya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$245,741,000 untuk Maksud B.28; \$348,774,060 untuk Maksud B.29; \$3,848,925,010 untuk Maksud B.30; \$186,860,000 untuk Maksud B.31 dan \$126,344,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian

Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$245,741,000 untuk Maksud B.28; \$348,774,060 untuk Maksud B.29; \$3,848,925,010 untuk Maksud B.30; \$186,860,000 untuk Maksud B.31 dan \$126,344,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$85,710,540 untuk Maksud P.28; \$93,696,000 untuk Maksud P.31; \$4,250,000 untuk Maksud P.32 dan \$500,000,000 yang disebutkan untuk Maksud P.57 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak \$85,710,540 untuk Maksud P.28; \$93,696,000 untuk Maksud P.31; \$4,250,000 untuk Maksud P.32; dan \$500,000,000 untuk Maksud P.57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.33 (Jadual)—  
Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan,  
1992)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam dibuka untuk dibahas. Batang Lular.

6.20 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lular):** Tuan Pengerusi, saya ingin terlibat dalam perbincangan Maksud Bekalan 33, Kementerian Perusahaan Awam. Saya merujuk kepada mukasurat 163, Butiran 020000—Perlesenan.

Perlesenan adalah satu Butiran yang begitu penting yang mana kita memberi kebenaran kepada kereta-kereta digunakan di jalan raya sebagai pengangkutan awam sama ada untuk mengangkat passengers, dengan izin, ataupun mengangkat barang. Oleh kerana perlesenan ini adalah melibatkan kelulusan daripada pihak-pihak yang tertentu sebelum kereta itu boleh digunakan sebagai kereta pengangkutan. Dengan itu, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai satu perkara iaitu kereta awam, umpamanya kereta teksi. Kalau kita pergi ke bandar-bandar yang besar kita nampak kereta-kereta teksi yang bertaburan di jalan raya. Begitu juga di Kuala Lumpur sebagaimana yang saya telah difahamkan, tidak kurang daripada 7,000 kereta awam sebagai teksi yang dilanggan di Bandaraya Kuala Lumpur tetapi sebahagian kecil sahaja kereta-kereta ini yang boleh dikatakan mendatangkan keselesaan ataupun sedap dipandang. Kebanyakan kereta-kereta ini yang digunakan sebagai teksi telah menyampai umur abad kereta iaitu 10 tahun dan lebih.

Sebagai seorang pelawat ke Bandaraya Kuala Lumpur, walaupun orang Malaysia, saya selalu menggunakan teksi, kadang-kadang pergi ke Parlimen pun naik teksi dan dari hotel ke mana-mana tempat menggunakan teksi, tetapi kadang-kadang menaiki kereta lembu lebih sedap lagi daripada teksi yang dinaiki itu. Apabila masuk sahaja dalam teksi, tempat duduk berbunyi "kiat kiat", macam ada membela ayam di dalam teksi itu. Apabila kita keluar daripada teksi, kalau seluar ataupun baju kita berwarna putih mungkin sudah bertukar warna. Itu orang Sarawak kata "arum bulak",—tambah tidak betul—exaggeration.

Sepatutnya teksi yang digunakan di jalan raya terutama sekali di Ibu Kota negara Malaysia yang indah dan permai ini menggunakan teksi-teksi yang indah dan baik juga. Maka timbullah satu perkara sekarang. Kalau saya sendiri hendakkan teksi, saya panggil teksi

Saujana atau teksi Wira yang saya tahu menggunakan Proton Saga kerana teksi itu yang selesa, yang baik dan senonoh yang dapat dinaiki. Tetapi kereta yang lain itu semuanya sudah tidak layak diguna sebagai teksi.

Tiap-tiap tahun Jabatan yang mengeluarkan lesen ini meluluskan teksi ini untuk digunakan sebagai teksi. Sebelum itu tiada proses atau apa-apa pemeriksaan. Kalau ada pemeriksaan pun kemungkinan pemeriksaan itu sebagai melepas batuk di tangga sahaja. Ini telah melemahkan keadaan di negara kita terutama sekali di mata pelancong yang datang ke negeri ini melihat teksi kita yang tidak selesa, tidak baik dan tidak senonoh. Ini juga menjejaskan kedudukan dan kebaikan negara kita.

Saya hendak bertanya dengan Kementerian, adakah Kementerian bercadang hendak mengadakan satu pemeriksaan yang khusus untuk kereta-kereta sewa dan menghadkan berapa lamakah kereta itu boleh digunakan sebagai teksi. Adakah kita akan, dengan izin, introduce sebagaimana yang telah dibuat di luar negara kita dengan diberikan satu certificate bahawa sesebuah kereta itu dianggap layak digunakan dan dengan certificate itu barulah kereta itu boleh dikeluarkan lesen sebagai teksi ataupun kenderaan awam. Saya membangkitkan masalah teksi ini dengan harapan teksi yang akan datang akan bertukar wajah dan diperbaiki keadaan pembangunan sistem pengangkutan awam di negara kita.

Ingin saya berpindah ke mukasurat 165, Butiran 00600—Majlis Amanah Rakyat (MARA). Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada MARA. Kalau kita pergi ke Sarawak, kita lihat ramai orang yang telah menduduki kedudukan yang tinggi atau menjawat jawatan Kerajaan yang tinggi yang telah mendapat manfaat daripada pendidikan ataupun biasiswa MARA. Tetapi adakah tindakan sekadar atau di peringkat ini telah memadai? Banyak lagi tanggung-

jawab MARA sebagaimana yang telah dituliskan, kalau kita pandang di mukasurat 165 ini, bermacam-macam—sekurang-kurangnya empatbelas. Adakah satu-satu butiran itu telah diselenggarakan oleh pihak MARA begitu baik, begitu rapi dan merata ke seluruh negara ini, tidak mengira kawasan mana, negeri mana ataupun sesiapa asalkan dikatakan rakyat Malaysia yang bumiputera.

Pernah berlaku 10 tahun lepas, ini cerita lama, tetapi ini satu instance sahaja, budak-budak Sarawak pernah mengatakan, “kalau di Sarawak, we are less bumiputera in the eyes of MARA”. Ini orang bumiputera Sarawak berkata, kerana terdapat ramai juga yang mendapat pinjaman ataupun biasiswa daripada MARA adalah juga bukan bumiputera di Semenanjung, tetapi kalau di Sarawak dihaskan mesti bumiputera. Di antara bumiputera yang diberi kelulusan ialah bumiputera yang telah mendapat perhubungan yang terdahulu dari itu. Umpamanya, kalau meminta scholarship ataupun pinjaman untuk pergi ke universiti, dia mestilah mendapatkan pendidikan awal ataupun perhubungan awal daripada pihak MARA dari peringkat sekolah rendah sampai ke peringkat sekolah menengah, barulah dia diberi keutamaan atau priority mendapat kelulusan biasiswa ataupun pinjaman daripada pihak MARA. Ini telah mendatangkan perasaan yang tidak sedap.

Saya berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi kerana perkara yang saya sebutkan tadi ialah 10 tahun yang lalu. Itu sejarah. Saya harap sejarah ini tidak berulang kembali. Apa yang kita nampak iaitu Pejabat MARA di Sarawak tiap-tiap tahun mengadakan interviews untuk pemilihan orang yang diberi biasiswa dan pinjaman tetapi apa yang berkurangan ialah dalam pembangunan usahawan, program-program perniagaan. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung esok.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Majlis bersidang semula

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga hari esok, pukul 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*